


Jilid II
Bil. 41



Hari Isnin
1hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4329]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4349]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4350]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.,
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHAMED
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF BIN AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED ALI BIN MOHAMED SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHAMED ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN EMPALING
(Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMED SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. HAJI OYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZAHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI @ HEE TAN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- .. TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- .. TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, Orang Kaya Indera Shahbandar (O.K.I.S.) (Pekan).
- .. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- .. TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- .. TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHAMED ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Ulu Trengganu).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.M.C., K.C.R.L. (Marudu).

DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.
(Jerlun-Langkawi).

RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

TUAN OH KENG SENG (Petaling).

TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Star).

TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).

TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).

TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).

DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).

TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).

WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).

TUAN SU LIANG YU (Bruas).

PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).

DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibu).

TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).

DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).

TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).

WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 1hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEGAWAI/KAKITANGAN KERAJAAN BERCUTI KELUAR NEGERI

1. Tuan Hashim bin Ghazali di bawah S.O. 24 (2) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah Pegawai-pegawai Kerajaan bercuti keluar negeri dalam setahun;
- (b) berapa ramaikah Pegawai Kakitangan Kerajaan Bahagian II, Bahagian III dan Bahagian IV yang telah dihantar keluar negeri hingga sekarang, dan jikalau tiada, kenapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas kerana istilah bercuti keluar negeri meliputi lawatan tambang percuma (privilege leave), cuti belajar, cuti rehat di seberang laut, cuti tambahan lawatan untuk menghadiri seminar atau persidangan dan cuti tanpa gaji mengikut suami atau isteri.

Bagaimanapun, jika soalan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud "privilege leave" atau lawatan tambang percuma maka jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan Pegawai-pegawai Kerajaan yang bercuti keluar negeri dengan menggunakan kemudahan "privilege leave" atau lawatan tambang percuma adalah:

1974	...	...	...	78
1975	...	...	...	99
1976 (hingga Oktober)	...	...	...	152

- (b) Jawapannya tiada. Ini adalah kerana kemudahan "privilege leave" diberikan kepada pekerja-pekerja dalam Bahagian I sahaja yang ada berkhidmat pada 14hb November, 1970 bagi Perkhidmatan Awam, 15hb Disember, 1971 bagi Perkhidmatan Pelajaran dan sebelum tarikh opsyen bagi Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan. Kemudahan ini telah dimansuhkan bagi mereka yang masuk berkhidmat selepas tarikh-tarikh tersebut. Kemudahan ini tidak pernah diberi kepada mereka dalam Bahagian II, III dan IV.

LAWATAN TAMBANG PERCUMA KE SEBERANG LAUT

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan untuk mengadakan semula privilege leave bagi pegawai-pegawai pengurusan dan iktisas yang telah berkhidmat selama 10 tahun diberikan ia cuti bergaji penuh dengan harapan ia dapat meluaskan pengalamannya di luar negeri dan ini sangat berguna kepada perkhidmatannya dan negara yang berkehendakkan suatu penadbiran yang cekap.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan lawatan tambang percuma ke seberang laut masih lagi diberikan kepada pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas yang dilantik sebelum 1hb Januari, 1970 tertakluk kepada syarat mereka telah mempunyai perkhidmatan selama 10 tahun dan kemudahan itu hanya sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatannya. Kemudahan ini tidak diberikan kepada pegawai-pegawai yang setaraf yang dilantik selepas 1hb Januari, 1970.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo.

(Soalan No. 3 Y. B. Dr Tan Chee Khoo tidak hadir)

RANCANGAN RUKUN TETANGGA

4. Datuk Albert Mah minta Perdana Menteri memberitahu jumlah bilangan orang yang menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga sekarang dan menyatakan samada beliau akan mengemukakan peruntukkan untuk pentadbiran sekim-sekim Rukun Tetangga di peringkat-peringkat sektor di seluruh negara supaya objektif-objektif bagi Rukun Tetangga itu dapat dicapai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang yang terlibat dalam rancangan Rukun Tetangga sekarang ialah lebihkurang 1½ juta.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu suka saya nyatakan di sini bahawa sehingga masa ini Kerajaan belum lagi mengeluarkan apa-apa perbelanjaan pun untuk pentadbiran mahupun mendirikan Pusat Kawalan Rukun Tetangga. Semua keperluan telah diperolehi daripada kutipan-kutipan masyarakat setempat atau daripada mereka yang ingin menderma. Dengan adanya sambutan yang begitu baik ditunjukkan oleh rakyat jelata, maka Kerajaan tidak perlu menyediakan peruntukan kewangan kepada sektor-sektor Rukun Tetangga di seluruh negara.

SYIAR ISLAM—RANCANGAN MENINGGIKAN

5. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan sekurang-kurangnya di dalam masa lima tahun akan datang untuk meninggikan syiar Islam di negara ini dan nyatakan jumlah wang yang diperuntukkan kepadanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Persekutuan telahpun meluluskan sebanyak \$5 juta bagi rancangan-rancangan untuk meninggikan syiar Islam di negara ini. Jumlah ini akan digunakan untuk membina kompleks yang mengandungi:

- (i) Pejabat Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan;
- (ii) Perpustakaan Islam Malaysia ;
- (iii) Institut Dakwah dan Latihan Islam;

(iv) Pusat Penyelidikan Islam;

(v) Oditorium;

(vi) 5 buah Bilik Syarahan;

(vii) Asrama;

(viii) "Institutional Quarters" untuk Pegawai-pegawai Masjid di 25 buah Masjid di Wilayah Persekutuan.

Selain daripada mengadakan kompleks tersebut sebagai pusat untuk meninggikan syiar Islam di negara ini Kerajaan juga telah merancang rancangan-rancangan berikut:

- (i) Mengadakan kursus dakwah kepada semua peringkat kakitangan Kerajaan di Instituti Dakwah dan di Pusat Islam;
- (ii) Mengadakan kelas-kelas ugama tiap-tiap minggu di Jabatan-jabatan Kerajaan;
- (iii) Mengadakan kelas-kelas ugama di masjid-masjid dan surau-surau;
- (iv) Mengadakan kelas-kelas bacaan Al-Quran untuk kanak-kanak di masjid-masjid dan di surau-surau;
- (v) Mengadakan syarahan-syarahan di merata-rata tempat atas permohonan orang ramai;
- (vi) Mengadakan forum Ugama dengan membawakan soalan-soalan ekonomi, sosial, pelajaran dan sebagainya di TV, Radio dan juga di universiti-universiti serta lain-lain Institusi-institusi pelajaran tinggi;
- (vii) Mengadakan khemah-khemah kerja untuk belia-belie dan penuntut-penuntut sekolah menengah;
- (viii) Mengeluarkan dan menyebarkan risalah-risalah ugama dalam berbagai-bagai bahasa mengenai Ugama Islam;
- (ix) Mengadakan perjumpaan dan seminar di antara Alim-alim Ulama' Islam dengan tujuan menyatupadukan tenaga fahaman kerjasama ;
- (x) Mengadakan lawatan dan pertukaran pegawai-pegawai ugama negeri-negeri;
- (xi) Lawatan Alim Ulama' ke seluruh dunia untuk merapatkan persaudaraan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga dimaklumkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri ada mempunyai rancangan-rancangan mereka sendiri bagi tujuan yang sama.

YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH

6. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan apakah kegiatan Yayasan Dakwah Islamiah di dalam negara ini dan apakah kesulitan-kesulitannya.

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang lebih kurang sama telahpun dijawab pada 26hb Julai, 1976 yang lalu ketika menjawab soalan Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa lagi hendak menambah di atas soalan tersebut.

PERMIT SEKOLAH MEMANDU

7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilangan orang-orang yang mana permohonan mereka bagi mendapatkan permit sekolah memandu kenderaan motor telah diluluskan oleh Kerajaan di Semenanjung Malaysia khususnya di Kelantan semenjak tahun 1974 sehingga sekarang.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam: (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan permit sekolah memandu yang telah dikeluarkan semenjak tahun 1974 ialah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	...	421
Kelantan	...	19

PERUSAHAAN LOMBONG BIJIH— PROSES MALAYSIANISASI

8. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah bilangan orang-orang dagang yang masih berkhidmat dalam perusahaan melombong bijih di negara ini dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempercepatkan proses “Malaysia-nisasi” perusahaan ini bagi mengurangkan bilangan mereka setiap tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan orang-orang dagang yang masih berkhidmat dalam perusahaan melombong bijih di negara ini pada 31hb Disember, 1975 ialah seramai 107 orang. Bilangan ini telah berkurangan sebanyak 81.8% dari jumlah bilangan 589 orang pegawai-pegawai dagang yang berkhidmat semenjak 31hb Disember, 1957.

Pada 22hb Disember, 1970 satu Perjanjian telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan dan Pihak Perusahaan Timah Semenanjung Malaysia yang mana telah dipersetujui bahawa pegawai-pegawai dagang yang bekerja dalam perusahaan timah dikurangkan mengikut kadar 7% pada tiap-tiap tahun sehingga tahun 1985 manakala semua jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai dagang dalam perusahaan tersebut akan diwarganegarkan, kecuali jawatan-jawatan penting (key posts) dan jawatan-jawatan terkhass (special posts). Jawatan-jawatan ini dibenarkan terus dipegang oleh pegawai-pegawai dagang semata-mata untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur asing dalam syarikat-syarikat yang berkenaan.

Jawatan-jawatan penting yang akan dipegang oleh pegawai-pegawai dagang selepas tahun 1985 ialah sebanyak 24 sahaja sementara jumlah bilangan jawatan-jawatan terkhass tidak akan melebihi 29. Mereka ini dibenarkan memegang jawatan mereka selagi pelaburan mereka berada di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sungguhpun mengikut perjanjian tersebut kadar pengurangan tersebut ialah sebanyak 7% setahun, akan tetapi kadar pengurangan yang sebenarnya adalah melebihi kadar yang ditetapkan.

Sebagai satu lagi langkah untuk mempercepatkan proses mewarganegarkan jawatan-jawatan ini, Perusahaan Lombong, di samping menjalankan pengambilan biasa, juga menawarkan biasiswa-biasiswa kepada warganegara Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di Universiti-universiti dan Maktab-maktab di dalam dan luar negeri. Pada 31hb Disember, 1975 bilangan pemegang-pemegang biasiswa yang mengikuti kursus ijazah di universiti Seberang Laut dan dalam negeri ialah seramai 49 iaitu terdiri daripada 23 orang bumiputra dan 26 orang bukan bumiputra. Sementara jumlah pemegang biasiswa yang mengikuti kursus Diploma di Universiti Teknologi Malaysia ialah seramai 65 orang iaitu terdiri daripada 52 orang bumiputra dan 13 orang bukan bumiputra.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan mengatakan bahawa ada di antara jawatan-jawatan itu yang dianggap key posts

ataupun special posts. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan apakah dia key posts dan special posts itu?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, key posts bermakna jawatan-jawatan yang berkehendakkan keputusan atas dasar-dasar bagi pihak pelabur-pelabur asing dalam perusahaan ini dan special posts itu bermakna jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai dagang di mana pengalaman latihan mereka adalah mustahak untuk pengurusan perusahaan lombong ini.

PANCARAN TV DI BAHAGIAN KETUJUH

9. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan bagi membaiki pemancaran saluran ketiga oleh kerana penerimaan gambar Talivisyen bagi penuntun-penuntun di Bahagian Ketujuh tidak begitu elok.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, rancangan memulakan TV di Negeri Sarawak adalah berasaskan kepada penggunaan sistem komunikasi yang dapat disediakan oleh Kerajaan Pusat bagi perhubungan "microwave" di antara Sabah, yang telahpun mempunyai TV networknya sendiri, dengan Sarawak. Oleh sebab itu liputan pancaran TV terpaksa tertumpu kepada kawasan-kawasan Limbang, Miri, Bintulu, Sibit, Simanggang dan Kuching.

Sehingga satu rancangan dapat disediakan untuk menyambung sistem perhubungan ini ke kawasan-kawasan pedalaman seperti Bahagian Ketujuh, maka liputan TV ke kawasan-kawasan ini tidaklah begitu sempurna seperti Ahli Yang Berhormat lebih maklum bagi membolehkan penyiaran TV meliputi kawasan-kawasan yang jauh "network"-nya boleh membawa lebih kurang 900 "line telephone" adalah perlu. Kemudahan serupa ini belum ada lagi disediakan untuk kawasan-kawasan pedalaman.

PENCEMARAN AIR

10. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal pembuangan barang-barang yang tidak digunakan lagi supaya tidak

mencemarkan sungai-sungai dan udara yang kita sedut bagi kepentingan kesihatan dan kesejahteraan hidup kita.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas ingatan beliau tentang soal-soal pencemaran air.

Langkah-langkah serius sedang diambil dengan cara sistematik oleh Kementerian saya bagi mengawal pencemaran-pencemaran dan memperindungi alam sekeliling di negara kita. Bagi mengawal pencemaran air, segala punca-punca pencemaran, telahpun ditentukan dan prioriti-prioriti telah diberi kepada punca-punca yang serius seperti buangan-buangan daripada kilang kelapa sawit dan getah.

Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telahpun menjalankan beberapa kajian di dalam bidang ini dan telah menyediakan satu peraturan yang mengandungi standard-standard kawalan yang tertentu. Standard bagi mengawal buangan-buangan kelapa sawit telahpun dirangka untuk perlaksanaan. Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan tidak beberapa lama lagi dan akan diikuti oleh peraturan-peraturan bagi mengawal buangan daripada kilang getah, dan juga peraturan-peraturan bagi mengawal buangan-buangan yang lain.

Untuk pencemaran udara pula peraturan-peraturan telahpun disediakan bagi mengawal pelepasan-pelepasan asap dan pelepasan-pelepasan debu dan gas daripada kilang-kilang. Peraturan-peraturan bagi kawalan pelepasan asap dari kenderaan bermotor adalah dilakukan dengan kerjasama Kementerian Kerjasama dan Kemudahan Awam dan ini akan dikuatkuasakan sebaik sahaja alat-alat diperolehi.

Di samping itu juga peraturan-peraturan untuk mengawal gas, debu dan asap dari kilang-kilang telah juga disediakan untuk penguatkuasaan di tahun hadapan dengan cara berperingkat-peringkat.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Tadi Menteri berkenaan mengatakan Menteriannya mengambil langkah yang serius dan sistematik. Bolehkah Menteri itu terangkan sedikit bagaimana langkah yang dipanggil langkah serius dan

sistematik. Adakah pihak Kementerian menghubungi tiap-tiap kilang kelapa sawit-kilang getah dalam negeri ini, kerana sekarang ini ada kilang-kilang kelapa sawit misalnya membuang minyak kotor ke dalam sungai seperti Sungai Triang menyebabkan ikan semua mati dan memendekkan rezeki orang-orang di kampung.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan sistematik ialah sebelum kita dapat kawal pencemaran, kita mesti ada standard. Apa yang patut boleh dilepas dalam air; apa yang lebih daripada yang patut. Jadi itu telah dikaji oleh Kementerian saya dan ini juga mesti dirunding di antara Kementerian dengan pihak yang berkenaan. Sebab jika kita adakan standard yang tidak dapat dikawal atau tidak rialistik, akan terjejaslah industri kita dalam negara ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Maksud saya adakah Kementerian ini selain daripada mengadakan undang-undang sahaja mengenai perkara pencemaran, adakah pegawai-pegawai daripada Kementerian ini akan pergi sendiri ke-kilang-kilang di seluruh negeri ini, study dan tengok di manakah mereka ini membuang sampah-sampah, minyak-minyak kotor dan sebagainya. Ini saya hendak tahu.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ini memang kerja pegawai-pegawai dalam Kementerian saya. Apabila ada pencemaran yang serius satu pasukan atau satu rombongan dihantar ke tempat itu supaya dapat dikaji dengan mendalam punca-punca pencemaran itu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan tindakan yang diambil iaitu menyiapkan standard dan sebagainya. Ini mungkin ialah tindakan jangka panjang. Jadi apakah tindakan jangka pendek untuk mencegah pencemaran yang berleluasan yang sedang dijalankan sekarang.

Yang kedua, setengah-setengah tempat bukan sahaja pegawai-pegawai melawat tetapi juga rombongan Timbalan-timbalan Menteri ada melawat. Tetapi sehingga sekarang tindakan yang berkesan masih belum dapat diambil.

Tan Sri Ong Kee Hui: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pencemaran ini tidak boleh dihapuskan dalam satu jangka

masa yang pendek. Pencemaran ini mesti mengambil masa yang panjang sedikit sebab pencemaran ini telah didapati di dalam jangka masa yang panjang. Jadi sungguhpun begitu bila ada perkara yang penting, pegawai telah dihantar ke tempat itu dan berhubung rapat dengan pegawai di peringkat negeri atau di peringkat Kerajaan Tempatan untuk mengawal pencemaran itu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya dapat dengar beberapa kali mengenai sekiranya satu-satu tempat itu dipandang penting dan mustahak. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan, ukuran penting dan ukuran mustahak mengikut pandangan Yang Berhormat Menteri itu sekadar mana. Sekiranya, habuk-habuk daripada kilang itu mengganggu sekolah seperti berlaku di Trengganu; kilang-kilang plywood mengganggu orang hendak belajar di sekolah itu, adakah ini termasuk dalam istilah pentingkah atau masih belum lagi di dalam istilah penting dan mustahak.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham apa maksud Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi sekiranya ada pencemaran yang serius, pegawai selalu dihantar ke tempat itu supaya dapat pencemaran itu dikawal dalam jangka pendek.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah sebarang dasar dibuat iaitu apabila sebuah kilang hendak didirikan, diselaraskan dengan Kementerian Alam Sekitar supaya dicari ikhtiar bagaimana untuk mengelakkan pencemaran ini daripada berlaku.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, itu objektif yang kita hendak tujuan sebelum satu kilang didirikan, harapan Kementerian saya cadangan itu dirujukkan kepada Kementerian saya supaya dapat dikaji samada kilang itu boleh menyebabkan pencemaran yang serius.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa setengah-setengah tempat pencemaran begitu buruk sehingga ini boleh dianggarkan sebagai public nuisance, iaitu satu kesalahan. Oleh sebab itu, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk berunding dengan Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kerajaan Tempatan untuk mengambil

tindakan yang tegas. Pada masa ini sebelum peraturan-peraturan yang disebutkan tadi dikuat-kuasakan sebagai public nuisance, dalam bahasa Inggeris, kalau saya dibenarkan menggunakannya "so widespread in range so vast in effect". Ini yang dinamakan public nuisance iaitu dia terlibat satu masyarakat. Adakah Kementerian berkenaan bercadang berunding dengan Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kerajaan Tempatan untuk mengambil tindakan sekarang juga.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian saya memang berhubung rapat dengan Kerajaan Tempatan dan juga dengan Kerajaan Negeri supaya pencemaran ini dapat dikawal sebelum peraturan-peraturan boleh dikuat kuasakan.

PEMBEBASAN DATO JAMES WONG

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat yang dikenakan terhadap pembebasan Dato James Wong dari Kem Tahanan Kamunting dan mengapa beliau masih diletakkan di bawah syarat kediaman terhad.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang dikenakan ke atas Dato James Wong yang dibebaskan di bawah Peruntukan Perintah Tahanan pada 30hb Januari 1976, yang lalu ialah:

1. Bahawa ia hendaklah tinggal menetap di dalam Daerah Polis Limbang dan tidak boleh meninggalkan atau keluar daripada Daerah Polis Limbang tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pegawai Penjaga Daerah Polis Limbang dan ia tidak akan meninggalkan atau keluar dari negeri Sarawak tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pesuruhjaya Polis, Sarawak.
2. Bahawa ia tidak boleh menukar tempat tinggalnya dari Daerah Polis Limbang tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pegawai Penjaga Daerah Polis Limbang, ataupun tinggal di Daerah Polis Limbang, ataupun tinggal di Daerah Polis lain tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pesuruhjaya Polis Sarawak.

3. Bahawa di dalam keadaan di mana ia dibenarkan meninggalkan atau keluar dari Daerah Polis Limbang buat sementara waktu di bawah syarat 1 di atas, atau menukar tempat kediaman dalam Daerah Polis Limbang, atau tinggal di dalam Daerah Polis lain, di bawah Syarat 2, semua syarat-syarat perintah ini, sehingga dipinda atau dibatalkan, akan terus dikenakan ke atasnya sepertimana semasa ia berada di Daerah Polis Limbang atau di tempat kediamannya yang terdahulu.
4. Bahawa ia tidak akan memberi ucapan di dalam perjumpaan-perjumpaan awam, atau memegang jawatan, atau mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti, atau menjadi penasihat kepada mana-mana kesatuan sekera atau parti politik, atau mengambil bahagian di dalam mana-mana aktiviti politik selain dari mengundi di dalam pilihanraya yang ianya berhak mengundi.

Dari segi keselamatan negara, kesemua syarat-syarat di atas masih diperlukan. Walaupun begitu, saya mengatakan di sini bahawa syarat-syarat ini sedang diulang kaji dan saya sekarang menunggu perakuan dari pihak yang tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri masih menganggap Dato James Wong sebagai seorang yang mengancam keselamatan negara kerana syarat-syarat ini masih belum dibatalkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, baharu sebentar tadi saya menjawab iaitu saya menunggu perakuan dari pihak yang tertentu.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar Dato James Wong ialah seorang yang dipilih oleh rakyat sebagai wakil di Majlis Undangan Negeri Sarawak, oleh itu beliau terpaksa menghadiri mesyuarat Majlis Undangan Negeri Sarawak, di Kuching.

Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar Dato James Wong ialah seorang peniaga besar dan pusat perniagaannya ialah di Kuching, mengapakah Kerajaan atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan syarat terhadap Dato James Wong menginap di Daerah Limbang dan bukan di Kuching?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sangat sedar bahawa Dato James Wong ialah seorang Ahli Council Negeri, dan sedar juga dia seorang peniaga yang besar, tetapi dari segi keselamatan semua syarat-syarat ini dikehendaki.

JAWATANKUASA PAMPASAN KEMALANGAN JALANRAYA

12. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Undang-undang menyatakan samada terdapat cadangan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Pampasan Kemalangan yang bebas bagi mengendalikan tuntutan kemalangan kerana mahkamah-mahkamah kini dibebankan dengan kes-kes kemalangan yang menyebabkan kelewatan menyelesaikan kes-kes kemalangan dan sebarang bayaran pampasan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, sebuah jawatankuasa bernama Jawatankuasa Pampasan Kemalangan Jalanraya, yang mana saya sendiri adalah menjadi Pengerusinya sekarang, telah dibentuk untuk mengkaji dan membuat laporan mengenai soal menubuhkan suatu Suruhanjaya Pampasan Kemalangan Jalanraya bagi menjalankan suatu sekim insuran kemalangan motor yang serupa dengan yang dijalankan di New Zealand. Ciri utamanya ialah mangsa-mangsa kemalangan motor berhak menerima pampasan dengan tidak mengira soal siapa yang salah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dalam jawapannya di Dewan ini pada 13hb Julai, 1976 perkara ini adalah sangat sukar dan rumit oleh itu akan memakan masa yang agak panjang untuk mengkajinya. Untuk menjelaskan betapa besarnya tanggungjawab yang diamanahkan kepada Jawatankuasa itu, saya akan nyatakan beberapa perkara penting yang perlu dikaji dan diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut:

- (a) Klas-klas dan jenis-jenis kecederaan dan banyaknya gantirosak bagi tiap-tiap satu klas atau jenis.
- (b) Jumlah wang yang mungkin dikehendaki untuk menjalankan sekim itu. Ini akan diasaskan terutamanya pada suatu taksiran jumlah dan jenis kes-kes tuntutan yang mungkin timbul di

bawah sekim itu dari setahun ke setahun pada masa akan datang, dan taksiran ini akan pula diasaskan pada trend sekarang dalam angka-angka berhubung dengan kecederaan motor, jumlah kereta motor dan jumlah penduduk, serta trend dalam teknik pembinaan jalanraya dan pelajaran serta kesedaran keselamatan jalannya.

- (c) Samada wang yang cukup boleh diadakan dan punca-punca serta jentera bagi memungut wang itu.
- (d) Bagaimana sekim itu akan menyentuh perniagaan insuran yang ada sekarang.
- (e) Kajidaya dan acara yang terlibat dalam pentadbiran keseluruhan sekim itu dan besarnya struktur organisasi personal atau kakitangan yang dikehendaki.
- (f) Setakat mana sekim itu dan perundangannya akan menyentuh undang-undang yang ada sekarang dan pindaan-pindaan yang berbangkit yang akan dikehendaki dibuat kepada undang-undang tersebut.
- (g) Samada sekim itu akan sebenar-sebenarnya boleh berjalan dan memberi faedah kepada orang ramai dengan lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawatankuasa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah mereka ini bekerja dengan sebebaskan-bebasnya tanpa panduan mengenai dengan sukatan pampasan, misalnya, samada mereka ini akan bebas meletakkan sukatan pampasan itu seperti pampasan kepada workmen's compensation ataupun mengikut "Case Law." adakah panduan kepada Kementerian?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya dalam menentukan sekatan-sekatan atau peringkat-peringkat pembayaran di bawah sekim ini beberapa faktor perlulah dipertimbangkan. Faktor-faktor ini tidak perlulah dinyatakan dalam penjelasan saya ini, tetapi Ahli-ahli Jawatankuasa yang berkenaan adalah berpanduan kepada beberapa persoalan yang asas; cara-cara kehidupan, cara-cara pendapatan dan juga peringkat-peringkat kehidupan seorang itu bersabit dengan jawatan dan sebagainya. Tetapi ada alasan-alasan yang lain yang

mana perlu ditinjau dari segi perundangan walaupun dari segi "Common Law" ataupun undang-undang yang sedia wujud bersabit dengan pampasan pekerja umpamanya, kesemuanya ini adalah diambil kira dan satu rumusan dibuat dari satu masa ke satu masa untuk mendapatkan tingkatan yang paling sempurna.

ANGKA-ANGKA KELAHIRAN/ KEMATIAN

13. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai kanak-kanak bumiputra dan bukan bumiputra telah dilahirkan semenjak 1970 hingga 1976 dan berapa pula angka kematiannya; dan
- (b) adakah terdapat pada pengetahuan Kerajaan bahawa ada kematian-kematian kanak-kanak dan dewasa di Sabah telah tidak dilaporkan kepada Kerajaan, kiranya ada, apa tindakan yang telah diambil dan berapa kejadian-kejadian telah berlaku semenjak 1970 hingga sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka berkenaan dengan kelahiran dan kematian bagi seluruh negara dalam tahun 1975 dan tahun 1976 belum siap dikumpulkan. Walau bagaimanapun, jumlah kelahiran kanak-kanak bumiputra dan bukan bumiputra bagi tahun 1970 hingga 1974 ialah:

<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>
1,050,945	761,195

Kematian yang berlaku pada tahun 1970 hingga tahun 1974 berjumlah 67,636. Angka-angka pecahan bagi bumiputra dan bukan bumiputra tidak dapat di perolehi pada masa ini. Soal yang kedua ini bertanya adakah terdapat pada pengetahuan Kerajaan bahawa ada kematian kanak-kanak dan dewasa di Sabah. Walaupun tidak ada lapuran mengenai kematian yang tidak dilaporkan diterima tetapi Kerajaan menganggap ada terdapat kes-kes di mana satu-satu kematian kanak-kanak atau orang dewasa itu tidak dilaporkan oleh sebab-sebab yang tertentu; ada mengatakan bahawa mereka itu tidak mengetahui undang-undang atau tidak sedar akan pentingnya sijil kematian. Oleh kerana kesedaran ini dan kerana adanya masaalah ini maka Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk membawa kesedaran tentang

peri mustahaknya bahawa kematian ini hendaklah dilaporkan dan ini adalah dijalankan dengan berkempen yang dibuat oleh pegawai-pegawai pendaftar dan sentiasa dibuat di daerah-daerah pendalaman.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

14. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil-hasil positif yang diperolehi oleh Malaysia di Sidang Kemunchak Negara-negara Berkecuali yang kelima di Colombo;
- (b) sejauh manakah konsep Kawasan Damai, Bebas dan Berkecuali sebagaimana termaktub di dalam Peristiharaan Kuala Lumpur dijelaskan kepada Negara-negara terkecuali dan apakah jenis sokongan yang diberi oleh negara-negara tersebut terhadap konsep tersebut; dan
- (c) samada kegagalan sidang kemunchak untuk mengesahkan Peristiharaan Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh kekurangan penjelasan yang diberi kepada negara-negara terkecuali, jika tidak, nyatakan sebab-sebab yang sebenarnya terhadap kegagalan tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada soalan ini adalah sama dan terkandung di dalam jawapan saya kepada soalan No. 12 pada 26hb Oktober, 1976 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Maka saya rojokkan kepada jawapan saya itu.

KUASA PENUBUHAN KESATUAN

15. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan beliau akan menimbang untuk menghapuskan kuasa budibicara Pendaftar Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam meluluskan penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja memandangkan kepada keputusan Pendaftar tersebut baru-baru ini untuk menolak permohonan 40,000 pekerja-pekerja letronik daripada menyertai Kesatuan-kesatuan Pekerja dalam Perusahaan Letrik yang telah mengakibatkan rasa tidak puas hati di kalangan pekerja-pekerja tersebut.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

FELDA DI KEMAHANG—MENGAMBIL BEKAS POLIS/PERAJURIT

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mengambil bekas-bekas polis dan perajurit untuk mengambil bahagian dalam rancangan tanah FELDA di Kemahang, Kelantan, dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rancangan FELDA Kemahang, Kerajaan Negeri Kelantan telahpun bersetuju menguntukkan sebahagian daripada tempat-tempat di Rancangan itu kepada Bekas Ahli-ahli Keselamatan. Mereka akan dimasukkan ke rancangan tersebut setelah belia-belia yang ada di Rancangan Kemahang sekarang ini diperuntukkan rumah-rumah peneroka yang dibina oleh FELDA.

SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA)

17. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah jenis kebangsaan (China) yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan menyatakan bilangan bilik-bilik baru dan perbelanjaan yang terlibat.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah rendah jenis kebangsaan (China) yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran di peringkat awal Rancangan Malaysia Ketiga (tahun-tahun 1976/1977) ialah seperti berikut:

Jenis Projek	Bil. Sekolah	Bil. bilik-bilik darjah	Anggaran Perbelanjaan
Baru ...	5	33	\$ 910,900
Tambahan		70	1,401,500
		(untuk 19 sekolah sedia ada)	
Gantian	32	209	5,604,600
Jumlah	37	312	\$7,917,000

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran dalam rancangannya bertujuan merancang sebuah sekolah baru iaitu sekolah jenis kebangsaan (China) di Petaling Jaya?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama ialah berkenaan dengan bilangan sekolah, ini adalah soalan yang tepat kepada sebuah sekolah. Saya perlukan notis untuk menjawabnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kalau saya tidak salah dengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah menyatakan Kerajaan telah membina 5 buah sekolah baru. Jika ini benar, adakah beliau sedar 5 buah sekolah itu termasuk tambahan bilik-bilik itu tidak mencukupi langsung mengikut kehendak ibubapa yang ingin kanak-kanaknya mempelajari di dalam sekolah rendah (China).

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menerangkan bahawa kehendak-kehendak ibubapa murid tidak terhad kepada ibubapa China sahaja tetapi semua ibubapa berkehendak menempatkan anak mereka di sekolah-sekolah yang lebih sesuai mengikut kehendak diri mereka, tetapi pihak Kerajaan tidaklah dapat melayan semua permintaan-permintaan ini memandangkan bahawa sekarang ini kita ada sekolah-sekolah yang mencukupi tetapi kalau ibubapa memilih tempat-tempat yang agak sukar bagi kita mengadakan sekolah-sekolah ini, maka tidaklah dapat kita melayankannya.

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

18. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberikan butir-butir mengenai lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian sehingga sekarang dan apakah peratus jumlah ini dari jumlah yang dianggarkan. Nyatakan bilangan permohonan-permohonan untuk lesen ini yang ditolak dan apakah sebab-sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini daripada 314 permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian yang telah diterima oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sebanyak 137 lesen telahpun dikeluarkan kepada pengilang-pengilang, sementara baki-nya sedang di proses oleh Kementerian.

Angka ini merupakan peratus yang amat kecil sahaja daripada jumlah pengilang-pengilang sebanyak kira-kira 4,000 yang dianggarkan perlu mendapatkan lesen di bawah Akta tersebut. Walau bagaimanapun, lebih banyak lesen akan dikeluarkan apabila lebih banyak lagi pengilang-pengilang membuat permohonan untuk mendapatkan lesen tersebut.

Tidak ada sebarang permohonan pun yang ditolak, selaras dengan akuan yang telah diberikan bahawa semua pengilang-pengilang yang sedang menjalankan kegiatan pengilangan mereka apabila Akta ini dikuatkuasakan pada 1hb Mei tahun ini akan diberikan lesen apabila mereka membuat permohonan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika tidak salah saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjawab 137 permohonan-permohonan telah diluluskan oleh Kementerian atas Akta Penyelarasan Perindustrian sedangkan beliau mengatakan ada 4,000 lebih kilang-kilang perlu didaftarkan di bawah Akta tersebut. Adakah beliau sedar ini menunjukkan atau boleh bermakna pengilang-pengilang tidak berpuas hati atau membantah tentang Akta Penyelarasan Perindustrian.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada sebab kenapa begitu kecil angka yang dibuat oleh Kementerian untuk diberikan lesen ialah kebanyakan daripada pengilang-pengilang ini mengharap bahawa tuntutan mereka itu supaya Akta ini dimansuhkan akan dibuat oleh Kerajaan, jadi mereka menangguh-nangguhkan soal membuat permohonan ini. Oleh sebab itulah sebabnya begitu kecil angka yang setakat ini telah diberikan lesen dan membuat permohonan.

PUSTAKA PERINGATAN TUN ABDUL RAZAK

19. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa memandangkan jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak kepada negara tersangat tinggi nilainya samada Kerajaan akan menimbangkan untuk mengabadikan namanya di Perpustakaan Negara, dikenal dengan nama "Perpustakaan Tun Abdul Razak" seperti terdapat di Amerika Syarikat dengan Harry S. Truman Library.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat -iaitu Kerajaan sudah mengambil tindakan untuk mengabadikan nama Allahyarham Tun Abdul Razak memandangkan kepada jasa-jasanya yang tersangat tinggi nilainya kepada negara dengan meluluskan cadangan penubuhan projek "Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak". Pembentukan sebuah jawatankuasa untuk merancang dan melaksanakan projek ini telah dipersetujui oleh Kerajaan. Pustaka Peringatan ini akan ditempatkan di Kuantan, Pahang sebagai memenuhi wasiat Allahyarham. Di Pustaka Peringatan ini akan disimpan buat selama-lamanya segala bahan iaitu termasuk rekod-rekod, surat-surat, ucapan-ucapan, buku-buku, memorabilia, gambar-gambar, bahan-bahan perdagangan, hadiah-hadiah serta anugerah-anugerah kebesaran kepunyaan dan mengenai Allahyarham. Pustaka Peringatan ini akan mempunyai kemudahan-kemudahan rujukan, pamiran serta penyelidikan mengenai jasa-jasa Allahyarham kepada negara dan mengenai pentadbirannya dan akan menjadi sebuah badan penyelidikan yang akan menggalakkan kajian berhubung dengan Allahyarham dan peranannya di dalam sejarah dan pembangunan negara ini. Pustaka Peringatan ini akan ditadbirkan oleh Arkib Negara.

RANCANGAN KELAPA SAWIT DI SARAWAK

20. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk memulakan rancangan kelapa sawit di Bahagian Ketujuh, Sarawak; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa pembangunan rancangan kelapa sawit di Sarawak adalah terletak di bawah bidang-kuasa Kerajaan Sarawak. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah diberitahu oleh Jabatan Pertanian Sarawak bahawa suatu cadangan memulakan rancangan kelapa sawit di Daerah Belanga telah ditangguhkan oleh kerana ketiadaan perhubungan jalanraya ke kawasan tersebut. Suatu cadangan yang sama bagi Daerah Sungai Iran Song adalah sedang ditunggu sementara

menantikan keputusan kajian kesesuaian tanah di daerah itu disiapkan. Cadangan-cadangan bagi lain-lain kawasan di Bahagian Ketujuh telah juga dikaji tetapi telah didapati tidak sesuai oleh kerana bahagian ini secara amnya didapati terlalu bergunung-gunung bagi penanaman kelapa sawit.

(Jawapan bagi Soalan No. 3 adalah diberi di bawah ini).

LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT

3. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan komposisi mengikut kaum ahli-ahli Lembaga Kenaikan Pangkat untuk pegawai-pegawai tertinggi.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Keanggotaan Lembaga Kenaikan Pangkat untuk pegawai-pegawai Tingkatan-tertinggi dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam P.U. (A) 47 Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1972, ialah:

“Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi dan ahli-ahli berikut:

- (a) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; dan
- (b) Sekurang-kurangnya dua tetapi tidak lebih daripada tiga anggota kanan Kumpulan Pengurusan dan Iktisas yang dilantik oleh Perdana Menteri.”

Perlantikan pegawai-pegawai untuk menjadi ahli-ahli Lembaga adalah berdasarkan kepada sifat-sifat peribadi termasuk kejujuran, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan tugas Lembaga. Soal lantikan mengikut kaum tidak langsung berbangkit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (29hb Oktober, 1976)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, “Bahawa Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan ini dirujuk kepada Jawatankuasa se-buah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (29hb Oktober, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat bercakap, saya hendak membuat pesanan sepatah dua. Buat sementara kita mulakan perbahasan dalam sehari dua ini tidaklah saya bercadang hendak menyekatkan had waktu atau masa berapa lama Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap. Tetapi saya minta kerjasama dari Yang Berhormat timbang rasa mengingatkan bahawa ada ramai lagi Ahli yang kemudian hendak bercakap. Tetapi kalau sekiranya lepas sehari dua saya nampak perbahasan di atas waktu itu digunakan melebihi dengan tidak sepatutnya, boleh jadi pihak Yang di-Pertua Dewan akan menghadkan masa Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap.

Sekarang adalah terbuka untuk Ahli Yang Berhormat bercakap.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.25 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, apakala dibandingkan dengan Belanjawan-belanjawan dalam masa yang lampau, di mana terdapat satu kecenderungan am untuk mengenakan cukai-cukai yang semakin bertambah berat ke atas

rakyat Malaysia, khasnya mereka dalam golongan-golongan berpendapatan rendah, Budget ulung Tengku Tan Sri Razaleigh yang mengandungi rebate cukai pendapatan \$60 nampaknya melegakan hati.

Walau bagaimanapun, Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah amat mendukacitakan apabila diukur dengan perjanjian umum Kerajaan untuk membantu orang-orang miskin dan untuk membasmikan kemiskinan serta ketidakadilan sosial dan ekonomi.

Rebate \$60 cukai adalah tidak begitu berfaedah kerana ia tidak boleh membantu golongan berpendapatan rendah untuk memulihkan kuasa pembelian mereka untuk menghadapi kos kehidupan tinggi yang kian bertambah dan juga untuk melaksanakan tanggungjawab sosial dan keluarga bagi setiap orang pembayar cukai. Apabila saya berkata begini, saya tidak memaknakan bahawa golongan-golongan berpendapatan rendah tidak mengalu-alukan ataupun tidak memerlukan rebate \$60 yang sebenarnya adalah \$5 sebulan. Mereka mengalu-alukan dan memerlukan rebate \$60 ini seperti juga dengan seorang pengembara yang terdampar di padang pasir tentu mengalu-alukan dan memerlukan titik air yang diberikan untuk menghilangkan dahaga yang teruk. Tetapi sebaik sahaja selesai minum air titik itu, pengembara yang terdampar itu tadi akan menderita lagi daripada dahaga yang teruk itu. Dalam erti kata yang sama juga, sebaik sahaja menerima rebate \$60 ini dan membelanjakannya untuk membeli barang-barang keperluan, rakyat Malaysia berpendapatan rendah mula merasa lagi ketiadaan ekonomi dan ketidaksamaan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan berharap golongan-golongan berpendapatan rendah akan dapat menambahkan wang simpanan mereka dengan adanya perubahan cukai seperti rebate \$60 ini. Ini menunjukkan betapa jauhnya Yang Berhormat Menteri Kewangan berada dengan penderitaan ekonomi golongan-golongan berpendapatan rendah. Ini adalah sama dengan meminta pengembara yang terdampar di padang pasir itu yang menderita kerana kehausan untuk menjimatkan titik air itu. Tetapi di sini terdapat satu perbezaan. Rebate \$60 ini bukanlah satu hadiah daripada Kerajaan untuk golongan berpendapatan rendah. Wang \$60 ini adalah hasil titik peluh mereka yang berpendapatan rendah dan ia seharusnya tidak

boleh dirampas daripada mereka. Pada hal rebate cukai \$60 untuk setiap pembayar cukai dan \$30 untuk isteri yang tidak bekerja ataupun bagi seseorang isteri yang bekerja yang tidak memilih untuk ditaksirkan berasingan pendapatannya, patut sekurang-kurangnya digandakan dua kali dengan rebate untuk anak-anak tanggungan. Dengan membuat demikian, golongan-golongan berpendapatan rendah akan dapat menikmati bantuan yang bererti daripada Kerajaan dengan tujuan mengurangkan kemiskinan dan menghapuskan ketidakadilan sosial dan ekonomi.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa "rebate" cukai pendapatan sebanyak \$60 setiap pemastautin adalah sama kesannya seperti tambahan pelepasan persendirian sebanyak \$1,000 untuk mereka yang berpendapatan rendah yang dikenakan cukai pendapatan. Yang Berhormat Menteri Kewangan patut dan tentu tahu apa yang golongan-golongan berpendapatan rendah telah meminta Kerajaan selama ini adalah bukan satu tambahan atau pelepasan sebanyak \$1,000 kepada persendirian, tetapi satu tambahan sebanyak \$2,000 dan juga tambahan-tambahan pelepasan bagi isteri yang tidak bekerja serta tanggungan-tanggungan keluarga yang lain.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah menjelaskan mengapa beliau telah memutuskan untuk mengenalkan satu "rebate" cukai sebanyak \$60 daripada menambahkan potongan pelepasan persendirian daripada jumlah pendapatan untuk mengira pendapatan yang patut dikenakan cukai (chargeable income). Beliau berkata cara ini adalah lebih adil dan saksama kerana satu tambahan rata pelepasan persendirian akan lebih menguntungkan golongan yang berpendapatan tinggi.

Sungguhpun hujjah-hujjah Yang Berhormat Menteri Kewangan ini dapat diterima, saya tidak memahami mengapa pandangan-pandangan beliau mengenai progressivity iaitu mereka yang kaya membayar cukai yang lebih dan yang miskin membayar cukai yang rendah, tidak termaktub dalam "rebate" cukai. Oleh kerana rebate cukai ini adalah untuk "mengurangkan kos kehidupan rakyat Malaysia golongan berpendapatan rendah", tentu rakyat Malaysia golongan berpendapatan tinggi tidak memerlukan "rebate" \$60 ini. Oleh yang demikian, saya menyeru Yang Berhormat Menteri

Kewangan meneliti semula "rebate" cukai ini dengan tujuan membantu dengan bermakna golongan miskin dengan:

- (i) menghadkan "rebate" ini hanya kepada mereka yang berpendapatan rendah yang terperangkap oleh undang-undang cukai pendapatan; dan
- (ii) menggandakan dua kali "rebate" cukai ini kepada \$120 bagi setiap pembayar cukai, "rebate" cukai \$60 bagi isterinya yang tidak bekerja serta juga rebate bagi anak-anak tanggungannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi satu alat ekuiti dan pengedaran pendapatan yang lebih adil serta juga peluang-peluang sosial, undang-undang cukai pendapatan tidak patut keras dan inflexible tetapi ia mesti se-garis dengan masaalah-masaalah (alike) terhadap masaalah-masaalah ekonomi dan kerumitan pembayar-pembayar cukai. Telah terlalu banyak yang dihebohkan tentang penyusunan semula masyarakat, tetapi tidak ternampak sebarang kesedaran keperluan menyusun semula undang-undang cukai kita untuk mencapai sebuah negara Malaysia yang progresif dan bebas daripada kemiskinan.

Adalah menjadi amat ironikal dan trajik bagi Malaysia bahawa walaupun setiap tahun Kerajaan melaung-laungkan yang ia membelanjakan wang yang bertambah-tambah untuk pelajaran, makin ramai lagi pemuda-pemudi Malaysia mengalami kerugian atau susutan peluang-peluang untuk pelajaran tinggi di Malaysia.

Jalan tunggal yang tinggal lagi bagi mereka ini ialah untuk pergi ke luar negeri seperti England dan Australia untuk melanjutkan lagi pelajaran mereka.

Kecuali keluarga-keluarga kaya, ini adalah beban kewangan rumit bagi ibubapa-ibubapa yang terpaksa memikul perbelanjaan pelajaran ini. Tidaklah akan menjadi sukar untuk mendapat tahu beban kewangan ibubapa-ibubapa yang mempunyai dua atau tiga orang anak di peringkat post-menengah dan mengikuti pelajaran tinggi di seberang laut yang menjadi satu perkara biasa sekarang. Ini bukanlah kerana rakyat Malaysia telah menjadi lebih kaya dan oleh yang demikian mampu menghantar anak-anak mereka ke seberang laut untuk belajar, tetapi kerana mereka terpaksa mengutip wang itu dengan

apa cara sahaja biarpun melibat dengan hutang untuk menghantar anak-anak mereka ke luar negeri.

Saya tahu ada pemimpin-pemimpin yang kuat dan berpengaruh dalam Kerajaan dan juga dalam parti-parti pemerintah yang merungut dan mengkritikkan kadar pertambahan pelajar-pelajar Malaysia yang pergi ke seberang laut untuk mengikuti pelajaran-pelajaran tinggi.

Pemimpin-pemimpin ini adalah berfikir sempit dan berpandangan jangka pendek. Pelajaran tinggi adalah satu jenis national investment. Dan oleh kerana dasar-dasar Kerajaan dan pemimpin-pemimpin ini telah menjadikan payah bagi pelajar-pelajar ini untuk mendapat tempat di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan, sebarang halangan atau sekatan tidak patut dikenakan bagi melanjutkan pelajaran tinggi di luar negeri dengan bebas.

Sepatutnya daripada mengenakan halangan dan sekatan, Kerajaan sekarang, sebagai Kerajaan rakyat, mempunyai tugas dan tanggungjawab membantu ibubapa-ibubapa Malaysia dalam soal beban kewangan untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti pelajaran tinggi di luar negeri.

Dalam ucapan Budget Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan satu elaun susutan yang dipercepatkan (accelerated depreciation allowance) setinggi 80% atas jentera dan mesin supaya menggalakkan penubuhan, pembaharuan dan perkembangan industri-industri atau aktiviti-aktiviti tertentu. Tujuan membuat demikian ialah untuk menggalakkan pelaburan fizikal sehingga bertambahnya lagi pengeluaran. Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu pelaburan manusia (human investment) yang akan menghasilkan pengeluaran kebangsaan yang lebih tinggi lagi.

Jika kapitalis-kapitalis dan pengkilang-pengkilang digalakkan dan juga diberi "incentives" untuk melabur dalam plant dan machinery saya tidak nampak mengapa sebuah Kerajaan yang "enlightened" tidak patut menggalakkan rakyat Malaysia melaburkan dalam modal kemanusiaan (human capital) dan mereka yang berkelayakan dengan menghantar anak-anak mereka ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran tinggi apabila mereka tidak dapat tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan.

Kerajaan memang mensubsidikan pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di universiti-universiti Malaysia. Tetapi Kerajaan tidak memberi satu sen pun sebagai subsidi kepada pelajar-pelajar yang pergi ke luar negeri untuk mendapat pelajaran tinggi kecuali selain daripada mereka yang mendapat scholarship walaupun sumbangan mereka kepada negara kita tidak akan berkurangan bila dibanding dengan pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di institusi-institusi tempatan.

Sebaliknya Kementerian Pelajaran nampaknya berhasrat untuk menyusahkan lagi pelajar-pelajar yang ingin pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi, sebagai satu contoh, peraturan baru yang di kenakan mewajibkan wang cagaran sebanyak \$1,500 bagi setiap orang pelajar yang ingin ke United Kingdom untuk menyambung pelajaran mereka.

Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan memberi pelepasan cukai atau satu "rebate" pelajaran kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan tahunannya kurang daripada \$15,000 supaya mereka dapat menampung perbelanjaan pelajaran anak-anak mereka di seberang laut di mana anak-anak mereka tidak mendapat sebarang bantuan Kerajaan, atas kedua-dua alasan atas keadilan (ekuiti) kerana ini akan menghapuskan ketidakadilan sosial dan menjadikan rakyat Malaysia berpendapatan rendah lebih berkebolehan untuk menyaingkan dengan rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi, dan juga atas alasan kepentingan negara kerana ini adalah satu jenis pelaburan kebangsaan (national investment) yang bernilai dengan kemahiran-kemahiran manusia, manusia.

Pelepasan cukai atau pelepasan pelajaran ini patut diperluaskan untuk meliputi pembayar-pembayar cukai yang anak-anaknya ada di Malaysia tetapi melanjutkan pelajaran post-menengah di institusi-institusi pelajaran bukan Kerajaan.

Oleh kerana inilah saya rasa dukacita dengan Budget Menteri Kewangan kemukakan sebab beliau telah melepaskan peluang untuk mengadakan satu "approach" yang baru terhadap dasar-dasar Budget dengan menentukan lapangan-lapangan di mana

dasar-dasar cukai dan budget baru dilaksanakan dengan berkesan dalam mencapai matlamat membina sebuah masyarakat Malaysia yang lebih baik, adil dan saksama.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bercadang bahawa pelepasan cukai pembangunan diberi kepada pekebun-pekebun kecil dan petani-petani dalam sektor pertanian dan bahawa bagi orang-orang perseorangan pendapatan yang melebihi \$3,000 atau \$2,000 bagi rakan perkongsian dikenakan cukai pembangunan. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata cadangan ini ialah untuk meringankan beban cukai ke atas golongan berpendapatan rendah.

Rancangan Malaysia Ketiga ada mengistiharkan bahawa tidak semacam Rancangan Malaysia Kedua ada mengiktirafkan kemiskinan ada berleluasan bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di dalam bandar. Tetapi pengiktirafan ini kerap kali bertentangan dengan tindakan Kerajaan. Ini adalah satu daripada contohnya.

Saya tidak memahami mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan melakukan diskriminasi terhadap golongan miskin berpendapatan rendah dari bandar, seperti penjaja-penjaja, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain yang dibebankan dengan cukai pembangunan, dan saya mendesak Kerajaan supaya pelepasan cukai pembangunan ini juga meliputi semua penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil.

Kenaikan cukai jalan atas motosikal adalah tidak patut jika dipandang dari segi hendak mengurangkan kos hidup golongan-golongan berpendapatan rendah kerana mereka inilah yang menggunakan motosikal sebagai kenderaan mengangkut mereka. Kerajaan dengan mudah boleh mendapatkan hasil sebanyak \$2 juta yang dicadangkan ini dengan menambahkan lagi cukai bagi barang-barang kemewahan.

Saya menyeru Kerajaan supaya membatalkan cadangan ini kerana setiap perubahan cukai yang mungkin membawa kesusahan kepada golongan-golongan berpendapatan rendah, mesti dikaji semula dan dibatalkan.

Sungguhpun budget 1977 tidak mengemukakan apa-apa cukai opressive yang baru, adalah terlalu awal bagi kita untuk berasa gembira. Oleh kerana, yang pertama, budget atau operating expenditure yang dianggarkan,

sebanyak \$6,301 juta tidak memperuntukkan bagi (a) sebarang perubahan gaji; dan (b) sebarang perbelanjaan tambahan bagi keselamatan dan lain-lain selain daripada apa yang dianggarkan dalam anggaran perbelanjaan tahun 1977.

Daripada kenyataan-kenyataan Kerajaan kedua-dua item ini akan menelan perbelanjaan tambahan sebanyak \$1,000 juta. Dan seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada awal ucapan Budget beliau, langkah-langkah kewangan dan belanjawan tidak semestinya dikemukakan pada Belanjawan Tahunan sahaja tetapi boleh dipakai di masa-masa antara mesyuarat-mesyuarat budget. Itu berti Yang Berhormat Menteri Kewangan membenarkan jalan terbuka kemungkinan pengenalan cukai-cukai sebelum budget akan datang dalam tempoh masa setahun dari sekarang.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi jaminan dengan terusterngannya kepada pembayar-pembayar cukai bahawa tidak sebarang cukai baru ataupun kadar akan dikenakan sebelum Belanjawan akan datang bagi 1978.

Tahun hadapan Kerajaan akan membelanjakan lebih daripada \$2,000 juta membeli perbekalan-perbekalan dan bahan-bahan untuk Kerajaan. Anggaran pembangunan bagi tahun hadapan adalah \$4,494 juta. Tetapi apakah Kerajaan membuat untuk mengurangkan pembaziran dan salahgunakan wang oleh Kerajaan yang berjumlah beberapa ratus juta ringgit setahun.

Tidak ada satu sebarang Perintah Perbendaharaan (Treasury Instructions) di dunia ini berjaya menahan pembaziran dan salahgunaan wang rakyat. Perbezaan di antara Kerajaan Malaysia dan lain-lain Kerajaan ialah apabila pembaziran atau penyalahgunaan wang dibongkar, Kerajaan-kerajaan di negara-negara lain bersedia untuk menuhkan Jawatankuasa Penyiasatan untuk membongkar kepada orang ramai apa yang benar, tetapi di Malaysia ia dijadikan rahsia untuk menahan orang ramai daripada mengetahui pembaziran dan penyalahgunaan wang rakyat oleh Kerajaan. Pembelian empat buah kapal ronda Fast Strike Craft jenis SPICA-M buatan Sweden oleh Kementerian Pertahanan adalah contoh yang nyata sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakpuashati meluas dalam Tentera Laut Di Raja Malaysia tentang keputusan Kerajaan untuk membeli kapal ronda Fast Strike Craft SPICA-M yang prototype, tidak pernah diuji dan belum membuktikan kelasakannya. Sehingga baharu-baharu ini, anggota-anggota T.L.D.M. telah berasa bangga kerana bahagian tentera mereka adalah yang bersih sekali. Ini adalah kerana mereka telah menjauhkan diri daripada skandal-skandal yang telah merosakkan bahagian-bahagian tentera lain seperti Tentera Darat yang terkenal untuk keburukan kerana pembelian kereta-kereta Perisai Persendirian Panhard Peranchis dan Tentera Udara Di Raja Malaysia yang terkenal kerana komisyen dan kickbacks yang terlibat dalam pembelian kapal terbang pejuang Northrop F-5E Jetfighters. Namun demikian, T.L.D.M. sekarang mempunyai skandalnya sendiri, ialah Sekandal SPICA-M. Pada hari pertama mesyuarat Parlimen kali ini, saya telah bertanya Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menjelaskan mengapa Kementerian Pertahanan telah membuat kontrak untuk membeli empat buah kapal ronda Fast Strike Craft SPICA-M buatan Sweden dengan harga \$166 juta dan bilamana:

1. Ia adalah prototype, tidak pernah diuji dan tidak terbukti;
2. Sistem senjata yang ditawarkan iaitu sistem Phillips buatan Sweden juga merupakan prototype kerana sistem senjata yang ditawarkan itu tidak pernah diinterfaced dengan peluru-peluru berpandu jenis Exocet yang ditentukan oleh pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia;
3. Jawatankuasa Penilaian T.L.D.M. mengenai tender telah memutuskan bahawa SPICA-M adalah tidak dapat diterima, dan Jawatankuasa ini diketepikan oleh sebuah Badan Petugas yang mengandungi dua orang pegawai T.L.D.M. dan seorang sivilian dan inilah kali pertama Jawatankuasa Penilaian diketepikan dengan cara begini; dan
4. Harga kapal-kapal tersebut telah meningkat sebanyak \$60 juta dari \$106 juta kepada \$166 juta yang membawa harga kapal-kapal tersebut ke dalam lingkungan harga kapal-kapal Fast Strike Crafts yang telah diuji dan terbukti.

Akhbar *The New Straits Times* dalam ruangan lidah pengarangnya telah mengalukan jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, sebagai menjernihkan air keruh atau "cleared the air". Saya dapati jawapan yang diberi olehnya adalah "evasive", tidak memuaskan dan ianya cuba merahsiakan dan bukan mendedahkan dan memberi penjelasan kepada pembayar-pembayar cukai tentang kebijaksanaan kontrak ini.

Yang pertamanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menuntut bahawa SPICA-M bukanlah satu kapal yang prototype dan beliau juga telah menekan bahawa kapal-kapal sejenis dengannya telahpun dipergunakan oleh pihak Tentera Laut Di Raja Sweden. Semasa menjawab soalan-soalan tambahan, beliau juga berkata dalam kontrak ada persetujuan bahawa perkara ini ialah kegunaan kapal ini oleh negara-negara lain tidak boleh diberitahu. Jadi kita tidak dapat mengetahui mana-manakah negara yang lain yang menggunakan kapal jenis yang sama. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah amat mengejutkan. Mengapa terdapat satu fasal dalam perjanjian Kontrak di antara Limbungan Sweden dan Mindef di mana Mindef tidak boleh dapat tahu negara-negara manakah menggunakan SPICA-M.

Tuntutan ini adalah tidak dapat difikirkan langsung sehinggakan ia membayangkan kecurigaan tentang ujudnya perjanjian kontrak ini, dan dengan demikian juga kecurigaan atas kredibiliti jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tentang perkara pembelian kapal-kapal peronda Fast Strike Craft SPICA-M. Yang kedua, setiap Limbungan kapal tentu mahu seluruh dunia tahu dan mungkin akan mengiklankan bahawa lebih banyak lagi negara membeli kapal-kapal mereka. Ini mereka membuat untuk mendapat lebih banyak lagi pesanan. Tidak ada sebarang shipyard di dunia yang bersaing untuk mendapat tempahan berasa segan dan malu sehinggakan ia sembunyi kejayaannya. Yang ketiga, majallah-majallah teknikal dan buku *Jane's Fighting Ships* yang diterbitkan setiap tahun mengandungi segala butir-butir yang kita perlu tentang kapal-kapal baharu, kapal-kapal yang dipesan dan dibeli oleh setiap negara. Hakikat yang sebenar ini ialah, kapal SPICA-M merupakan jenis prototype dan tidak ada mana-mana satu negara pun di dunia hari ini yang menggunakan SPICA-M

termasuk juga negara Sweden. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan harus mengetahui perkara ini kerana brochure yang dihantarkan oleh shipyard Sweden ini Karlskronavarvet ke Kementerian Pertahanan hanya mengandungi lukisan (artist's impression) kapal SPICA-M oleh seorang Pelukis dan bukan gambar kapal tersebut.

Adalah benar Tentera Laut Di Raja Sweden mempunyai kapal ronda Fast Strike Crafts SPICA I dan SPICA II tetapi kapal-kapal ini adalah jauh beza daripada kapal peronda Fast Strike Craft SPICA-M yang dipesan oleh Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Dalam masa soalan tambahan, saya telah bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan samada beliau sedar bahawa kapal-kapal SPICA yang digunakan oleh Tentera Laut Di Raja Sweden tidak dilengkapi dengan peluru-peluru berpandu (surface-to-surface missiles). Beliau menjawab mengatakan bahawa kapal yang sama yang digunakan oleh Tentera Laut Di Raja Sweden adalah dilengkapi dengan sistem peluru berpandu yang lebih baik daripada peluru berpandu Exocet yang diguna oleh Tentera Laut Di Raja Malaysia. Apabila saya bertanya apakah jenis peluru berpandu ini, beliau menjadi evasive lalu menyatakan bahawa tidak menjadi tanggungjawab beliau untuk memberitahu apa jenis senjata yang digunakan oleh negara-negara lain.

Hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah ini tidak benar. Yang pertama, peluru berpandu Exocet adalah dianggapkan sebagai salah satu daripada peluru berpandu yang terbaik di dunia bagi jenis peluru berpandu medium range. Pakar-pakar tentera laut telah memberitahu saya bahawa mereka tidak sedar adanya jenis peluru berpandu dalam lingkungan Exocet atau Exocet range yang boleh menuntut ianya lebih baik daripada Exocet. Dan jika sekiranya ada jenis peluru berpandu dalam lingkungan peluru berpandu Exocet yang lebih baik daripada peluru berpandu Exocet, apakah sebabnya Tentera Laut Di Raja Malaysia tidak membeli jenis yang lebih baik itu, yang sebaliknya menambahkan lagi 18 buah peluru berpandu Exocet kepada 18 yang ada sekarang.

Untuk makluman Parlimen dan untuk maklumat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, buku bertajuk *Jane's Fighting Ships 1975-1976* dan saya ada di sini menyatakan tentang 12 buah kapal

ronda Repeat SPICA Class Fast Patrol Boats yang kini dalam perkhidmatan dengan Tentera Laut Di Raja Sweden (atau yang biasanya disebut SPICA II) seperti berikut: "Similar to the original SPICA class from which they were developed: building by Karlskronavarvet (private) AB. Guided missiles are not included in the design to-date"—tidak ada guided missiles.

Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tidak tahu apa yang beliau bercakap dan dengan ini menunjukkan beliau tidak tahu langsung tentang portfolionya, ataupun beliau sengaja hendak bohong Dewan ini, rakyat dan negara kita. Kapal ronda SPICA-M yang T.L.D.M. membeli adalah tentu jenis prototype oleh kerana ia berlainan daripada kapal-kapal ronda SPICA I dan SPICA II. Sudah pasti, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tidak akan berkata kapal terbang jenis Jumbo Jet Boeing 747 yang pertamanya bukan prototype kerana ada siris kapal terbang Boeing yang lain, seperti Boeing 727 atau Boeing 737. Tambahan lagi, jenis kapal ronda SPICA-M adalah lebih panjang dan dikuasai oleh enjin diesel bilamana kapal-kapal ronda SPICA I dan SPICA II adalah dikuasakan oleh enjin gas turbine.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan patut sedar bahawa bila beliau menjawab dalam Dewan ini tentang perkara-perkara teknikal tentera laut, beliau juga menjawab bagi pihak T.L.D.M. dan beliau telah membawa malu antarabangsa kepada T.L.D.M. dengan jawapan-jawapan yang merupakan membayang T.L.D.M. sebagai tidak cekap dan mundur dari segi teknikal.

Sebagai menjawab soalan kedua saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menuntut bahawa sistem senjata Swedish Philips Teleindustrie adalah di "interfaced" dengan peluru berpandu Exocet.

Pada 27hb Oktober, 1976 dalam satu soalan tambahan yang meminta beliau memberitahu satu contoh di mana sistem senjata Philips Swedish yang di "interfaced" dengan peluru berpandu Exocet, beliau berkata ini adalah rahsia.

Ini adalah nonsense, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada bawa di sini satu chart teknikal mengenai Kapal-kapal Peronda Laju yang sedang dalam penggunaan yang menunjukkan jenis kapal negara-negara yang telah pesan untuknya. Bilangan kapal-kapal yang

dipesan atau disampaikan pembinaannya, data mengenai "dimensions", "displacement", had laju dan lain-lain, jenis alat senjata yang digunakan di kapal-kapal tersebut (jenis peluru-peluru berpandu daripada kapal-kapal, meriam, terpedoes, sistem pengawalan dan pengawalan api dan lain-lainnya), jenis propulsion yang digunakan (kuasa dan jaraknya dan lain-lain) semua data bukannya rahsia.

Sistem senjata Philips Swedish telahpun di "interfaced" dengan peluru-peluru berpandu Penguin-Penguin missile—yang mutunya sangat rendah bila dibanding dengan Exocet; dan untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan jarak jauh (distance range) peluru berpandu jenis Exocet adalah 22 nautical miles sedangkan range anti-missile 15 nautical miles.

Jadi, samada sistem senjata Philips Swedish di "interfaced" dengan peluru berpandu Exocet tidaklah satu rahsia. Tentu pembina sistem senjata ini mahu mengiklankan kepada seluruh dunia dan bukannya menyimpan sebagai satu rahsia.

Ini bererti Yang Berhormat Timbalan Menteri sekali lagi tidak bercakap benar dalam Dewan ini. Dengan contoh-contoh ini, saya tidak dapat menerima "on face value" bahawa Jawatankuasa Penilaian T.L.D.M. tidak diketepikan. Saya yakin, sehingga bukti-bukti terang boleh dikemukakan, bahawa Jawatankuasa Penilaian T.L.D.M. yang bertanggungjawab dengan tugas untuk membuat penilaian dari segi teknikal-teknikal dan professional keempat-empat kapal ini diketepikan kerana selain daripada Commodore Mohd. Zain dan Kolonel Jalaluddin, ahli-ahli yang lain dalam Jawatankuasa tersebut mempunyai "reservations" tentang kapal SPICA-M.

Jawatankuasa Penilaian teknikal T.L.D.M. telah berpendapat bahawa keempat-empat tender yang telah di "short-listed" iaitu tender SPICA-M daripada Karlskronavarvet AB; tender Combattante daripada C.M.N. (Constructions Mecaniques de Normandie) Peranchis; tender Tenacity daripada Vosper Thoneycroft; dan tender Fast Strike Aircraft daripada Hong Leong-Lurssen Butterworth boleh diterima tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Syarat-syarat ini yang memerlukan maklumat-maklumat yang lebih lanjut patut disampaikan balik kepada Jawatankuasa

Penilaian T.L.D.M. supaya Jawatankuasa dapat menilai—tetapi malangnya Jawatankuasa Penilaian T.L.D.M. telah diberhentikan dan diketepikan pada peringkat itu dengan penubuhan sebuah Badan Petugas ataupun Jawatankuasa Kerja biar apa nama sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan hendak memberi kepada badan ini sekarang.

“Version” Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan yang Jawatankuasa kerja telah ditubuhkan untuk mengumpulkan lebih banyak maklumat-maklumat yang Jawatankuasa Penilaian tidak layak untuk memutuskan adalah tidak kena pada akal kerana:

- (1) Jika Jawatankuasa Penilaian tidak layak untuk memutuskan syarat-syarat itu, maka Jawatankuasa tersebut adalah juga tidak layak untuk melibatkan dirinya dengan perkara tersebut, oleh kerana terms of referencenya ialah untuk menilai dan merekomenkan penerimaan setiap tender daripada segi professional.
- (2) Adalah tidak kena pada akal untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja begitu high-powered untuk bertindak sebagai Pejabat Pos untuk mengumpulkan maklumat sahaja. Sudah pasti perkara yang kecil semacam ini, boleh dibuat oleh Lembaga Tender melalui Wakil Pernas yang menjadi agen dalam perkara-perkara seumpama ini dengan mendapatkan 3% daripada jumlah harga kontrak kerana peranannya sebagai “Pejabat Pos”.
- (3) Percubaan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan untuk mengeluarkan asap supaya menyembunyikan issue tersebut adalah nyata daripada apa yang telah berlaku pada 25hb Oktober, 1976 di mana beliau berkata apakala beliau membaca daripada teks yang disediakan bahawa terdapat lapan orang dalam Jawatankuasa Penilaian T.L.D.M., sedangkan pada 27hb Oktober, 1976 beliau cuma dapat memberi nama-nama tujuh orang ahli Jawatankuasa tersebut sahaja.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga kontrak, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyebut bahawa harga kontrak adalah \$157 juta dan bukan \$166 juta.

Saya telah melihat fail-fail dan memorandum-memorandum Treasury yang menunjukkan bahawa dalam dua mesyuarat dalam bulan Julai tahun ini, permintaan T.L.D.M. untuk mendapatkan \$166 juta untuk membeli empat buah kapal peronda SPICA-M telah diluluskan pada akhirnya.

Saya cabar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan untuk menafikan ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kini berkata bahawa harga kontrak ialah \$157 juta. Saya bergembira jika harga ini telah dikurangkan sebanyak \$9 juta selepas saya membangkitkan perkara ini, tetapi saya ingin tahu keadaan-keadaan yang mengakibatkan perubahan-perubahan dari \$166 juta ke \$157 juta samada perubahan ini satu perubahan benar, ataupun ianya merupakan pelepasan bayaran komisen ataupun apa?

Saya juga telah membaca memorandum Treasury di mana tercatat kelulusan 30% harga kapal-kapal itu sebagai down payment ataupun \$50 juta sebaik sahaja menandatangani kontrak itu; kemudian bayaran 15% selepas pembinaan “keel” kapal pertama dan 10% selepas pembinaan “keel” kapal kedua (kedua-dua bayaran yang berjumlah \$41.6 juta dibayar dalam tahun 1977); bayaran \$33.3 juta dalam tahun 1978 dan bayaran akhir sebanyak \$41.6 juta dalam tahun 1979 yang semuanya akan berjumlah \$166.7 juta.

Sekali lagi saya mencabar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan untuk menafikan ini!

Dalam masa lampau down payment sebaik sahaja menandatangani kontrak semacam itu adalah lebih kurang 10% biasanya. Mengapakah amalan ini tidak lagi dipatuhi sehingga pihak T.L.D.M. akan selesai membayar 55 peratus daripada harga kontrak dalam masa setahun sahaja apakala kapal-kapal itu hanya akan dapat disiapkan dan diberi (delivered) dalam tahun 1979? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menafikan bahawa Kerajaan Malaysia pada masa dahulu telah membuat kontrak untuk membeli kapal-kapal tanpa membayar satu sen pun bila sign a contract.

Adakah beliau sedar bahawa dalam tender oleh Polis Di Raja Malaysia baru-baru ini untuk membeli enam buah Kapal Peronda Fast Patrol Boat ada diperuntukkan bahawa tidak ada sebarang bayaran akan dibuat bila kontrak ditandatangani. Untuk tender Polis

ini, bayaran pertama sebanyak 15 peratus daripada jumlah wang disetujui dalam kontraknya sebaik sahaja siapnya "keel plate" kapal itu; 25 peratus daripada jumlah wang yang disetujui dalam kontraknya sebaik sahaja siapnya kapal itu dengan dibubuh "plate" atau "fully plated up"; 30 peratus lagi apabila "machinery equipment is alongside and installation in progress"; 25 peratus lagi "on completion of trials and acceptance"; dan 5 peratus yang akhir itu selepas enam bulan "guarantee" yang disahkan (certified) oleh Pengarah Marine Malaysia.

Sudah nyata sekali banyak "hanky-panky" business telah berlaku dalam pemilihan dan pembelian empat buah kapal peronda Fast Strike Crafts SPICA-M, dan saya menyeru supaya satu penyiasatan Parlimen penuh diadakan tentang hal ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata dalam ucapan Belanjawan beliau bahawa patut dipastikan yang "every dollar counts and that every dollar's worth is fully realised." Beliau juga telah berkata: "I will myself seek to ensure that there is no laxity in financial management and discipline".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau hendak bercakap selain daripada Bahasa Malaysia, kena minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Ini petikan daripada ucapan Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Petikan pun hendaklah minta kebenaran juga.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya mahu bertanya kepada Menteri Kewangan apakah jawapan beliau mengenai salahguna kewangan, mismanagement dan indiscipline dalam tender SPICA-M yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui umum sistem tender Kerajaan yang mengikut peraturan-peraturan Kerajaan telah menghasilkan penyalahgunaan wang dan juga membiakkan rasuah. Oleh yang demikian, adalah perlu supaya satu kajian yang menyeluruh dilakukan terhadap sistem tender Kerajaan.

Umpamanya, adalah menjadi rahsia terbuka bahawa tender-tender yang melibatkan bekalan-bekalan dan bahan-bahan bernilai \$500,000 atau \$1 juta, di mana walaupun

tender-tender yang diterima adalah rahsia dan tidak boleh dibuka sehingga mesyuarat Lembaga Tender yang berkenaan diadakan, tetapi dengan bayaran \$2,000 atau \$3,000 seseorang penender boleh dapat tahu atau membeli maklumat tentang harga-harga penender-penender lain telah menawarkan dan mereka ini juga, dengan maklumat yang diperolehi itu dapat membetulkan serta mengkaji semula harga tender mereka itu.

Dalam Kementerian Kesihatan, nama penender yang berjaya mendapat tender untuk membekalkan bekalan-bekalan dan bahan-bahan perubatan, tidak diwartakan. Dan oleh yang demikian, penender-penender terpaksa membayar wang untuk mendapatkan maklumat mengenai tender-tender tahun lalu—ini bukan sahaja menjadi tambahan kepada kos yang akhirnya akan ditanggung oleh pembayar-pembayar cukai malah juga memupuk tabiat rasuah "palm-greasing" di kalangan Kerajaan untuk perkhidmatan yang telah diberi.

Keputusan Perbendaharaan yang apakala tender-tender ditawarkan untuk bekalan-bekalan dan bahan-bahan Kerajaan, seorang penender bumiputra yang perbezaan harga tendernya tidak melebihi 10 peratus daripada harga tender yang lain maka tender itu mesti diberi kepada penender bumiputra itu juga mesti dikaji semula.

Akibat keputusan ini, kita terdapat firma-firma antarabangsa dan tempatan kini mengemukakan beberapa tender, ada tender-tender yang dikemukakan dengan menggunakan nama asal firma tersebut dan ada yang lain dikemukakan di atas nama bumiputra-bumiputra yang meminjamkan nama mereka.

Contoh-contoh terbaik boleh didapati dalam tender-tender bernilai berjuta-juta ringgit yang dikemukakan untuk membekalkan perubatan-perubatan dan bahan-bahan. Firma-firma ubat antarabangsa mengemukakan sebanyak enam hingga lapan tender untuk mendapatkan satu kontrak—kesemuanya di atas nama-nama dan harga-harga yang berlainan.

Pada lazimnya, penendar-penender yang menyebut harga yang tinggi berjaya mendapatkan tender dan ini mengakibatkan tambahan sebanyak 10 peratus dalam kos perbelanjaan umum yang mungkin meningkat ke beberapa ratus juta ringgit.

Seluruh sistem tender Kerajaan patut dikaji semula dan di "overhaul". Alasan bahawa pemberian tender itu dibuat menurut peraturan-peraturan Kerajaan bukannya merupakan satu alasan yang baik untuk mengatakan tidak terujud penyalahgunaan wang ataupun rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri-menteri harus memberi contoh dalam hal jimat-cermat wang. Malangnya, apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Umpamanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengeluarkan satu arahan baru di mana "untuk dua kali setahun" Menteri-menteri Kerajaan Pusat, Timbalan-timbalan Menteri, isteri-isteri dan anak-anak tanggungan mereka diberi tiket-tiket percuma Kelas Satu untuk terbang ke mana-mana tempat di mana Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS terbang. Penerbangan percuma ini diberi apabila mereka mengambil cuti tahunan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memberi sesuatu alasan yang baik menyatakan mengapa Menteri-menteri Kerajaan Pusat, Timbalan-timbalan Menteri, serta anak isteri mereka mesti diberi kemudahan-kemudahan ini dua kali setahun.

Saya dapat tahu kini terdapat lebih kurang 40 orang Menteri dan Timbalan-timbalan dan termasuk isteri dan anak-anak mereka, jumlah besar bilangan orang yang berhak mendapat tiket percuma Kelas Satu MAS dua kali setahun berjumlah lebih 300-400 orang. Dan satu surat pekeliling MAS ada menyatakan:

(Dengan izin) "In the event first-class seats are not available, the passengers booked on first-class must be reviewed and downgrading will have to be effected on bookings."

Saya rasa ini tidak adil dan tidak patut dan tidak boleh disokong oleh kerana akhirnya orang ramai, pembayar cukai akan mengalami kerugian. Pada masa ini kita dapat tahu mengenai Lapuran MAS bahawa MAS adalah mendapat keuntungan yang kecil apabila dibandingkan dengan tahun-tahun lalu. Saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengkaji semula arahan itu kerana arahan itupun bertentangan dengan pendirian Kerajaan bahawa sangat mustahak kita berjimat dan juga pendirian Kerajaan apabila meng-

hadapi tuntutan CUEPACS mengenai pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Lapuran Ekonomi telah menyebut tentang kemajuan yang dicapai dalam peperangan anti-inflasi tetapi malangnya pihak Kerajaan telah gagal untuk melindungi pengguna-pengguna biasa untuk mendapat harga yang berpatutan khususnya mengenai barang-barang perlu. Nampaknya apabila harga di pasaran antarabangsa naik harga barang itu di tanahair kita ikut naik, tetapi apabila harga di pasaran antarabangsa turun harga barang itu di negara kita tidak ikut turun. Satu contoh baik ialah gula. Kalau gula di pasaran antarabangsa sudah jatuh 4-5 kali ganda, apabila dibandingkan dengan tahun 1974 tetapi harga runcit gula di tanahair kita tidak ada perubahan. Saya bertanya kepada pihak berkenaan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak FOMCA? Dan saya harap bahawa Kementerian Perdagangan boleh sedar dan bangun untuk memastikan bahawa taukeh-taukeh gula tidak mengaup keuntungan sehingga berjuta-juta ringgit daripada harga yang tinggi yang tidak patut untuk gula.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menurunkan inflasi dan mengurangkan kos kehidupan, Kerajaan harus menggalakkan pembekalan barang-barang daripada negara-negara di mana harganya lebih rendah semacam di negara Republik Rakyat China. Di dalam hubungan ini saya sangat berasa kesal bahawa Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan pihak PERNAS ada membuat sekatan-sekatan yang tidak patut mengenai perjalanan bebas oleh peniaga-peniaga Malaysia ke China untuk membuat perhubungan perniagaan seperti yang baru berlaku di mana A.C.C.I. (Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry) mengambil tindakan "boikot" pada masa yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia dan negeri China mewujudkan perhubungan diplomatik Kerajaan Malaysia ada menyatakan bahawa pihak Malaysia mengakui bahawa Taiwan adalah satu bahagian daripada negara China, tetapi di masa ini peniaga-peniaga Malaysia boleh pergi ke Taiwan tanpa apa-apa sekatan. Sebaliknya, peniaga-peniaga Malaysia yang ingin ke negeri China samada untuk menyaksi Pamiran Perdagangan Spring atau Autumn

terpaksa menghadapi sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pihak Kementerian Perdagangan ataupun PERNAS. Saya rasa itu tidak patut dan tidak baik untuk kepentingan negara Malaysia dan saya harap perkara itu boleh dikaji di mana peniaga-peniaga Malaysia yang *bona fide* boleh pergi ke negeri China untuk perniagaan tanpa apa-apa sekatan. Dalam hubungan ini saya rasa perlu Kerajaan mengulangkaji semula peranan PERNAS sebagai orang tengah dalam perniagaan negara China. Dalam setengah peratus semua perniagaan-perniagaan negara China PERNAS sebenarnya menambahkan kos kepada semua barang-barang yang diimport daripada negara China dan ini akan membebankan lagi orang miskin daripada semua kaum oleh kerana semua kaum membeli barang-barang daripada China untuk kehidupan mereka dan saya dapat tahu untuk satu tahun PERNAS daripada negeri ini setengah peratus mendapat lebih kurang \$2 juta. Saya rasa ini satu angka yang besar dan saya harap perkara ini boleh dibatalkan demi kepentingan orang-orang miskin semua kaum supaya mereka boleh dapat barang-barang yang murah. Saya dapat tahu lagi bahawa borang-borang PERNAS untuk peniaga-peniaga adalah sangat mahal iaitu \$5 satu borang. Ini mengakibatkan orang-orang biasa membayar lebih untuk borang tersebut. Itupun mesti dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa apabila Kerajaan menggalakkan pengilangan-pengilang atau pelabur-pelabur kepentingan pekerja-pekerja, hak-hak pekerja tidak diketepikan. Pada 15hb Oktober, 1976 Swedish Motor Assemblies di Shah Alam telah memberhentikan 165 orang pekerja dan sebanyak 150 pekerja lagi sekarang menghadapi kemungkinan dibuang kerja. Pekerja-pekerja ini semuanya mempunyai tiga hingga tujuh tahun pengalaman dalam plant ini untuk buat kenderaan motor. Latar belakang perkara ini ialah Swedish Motor Assemblies ditubuhkan pada tahun 1967 ada lebih kurang 500 orang pekerja-pekerja dan antara kenderaan-kenderaan yang diassemble ialah kereta Datsun. Di tahun 1974 franchise untuk assemble Datsun ini diberi kepada Tan Chong Motors and Sons. Tuan Yang di-Pertua, Tan Chong Motors and Sons telah menubuhkan kilang pemasangan pada tahun ini, tetapi mereka enggan menerima 350 orang pekerja di Swedish Motors and Sons untuk memasang kenderaan Datsun. Tan Chong Motors and Sons sedang memper-

olehi keuntungan yang lebih besar dan dengan franchise ini akan dapat keuntungan yang lebih besar lagi dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini keuntungan free tax tahun ini hingga bulan Jun adalah melebihi \$4 juta tetapi semua ini adalah didapati dengan mengorbankan kepentingan 350 orang pekerja. Ini adalah sangat tidak adil dan saksama dan juga tidak bertanggungjawab dan pihak Kerajaan mesti bertanggungjawab menjaga kepentingan pekerja-pekerja supaya sebelum franchise diberi kepada seseorang pemasang kereta ini mesti dikenakan satu syarat bahawa pemasang kereta ini mesti memberi pekerjaan kepada pekerja-pekerja yang terlibat dan tidak berlaku retrenchment seperti yang sekarang berlaku di Swedish Motor ini.

Sebenarnya, bukanlah Tan Chong Motors tidak perlu 350 orang pekerja-pekerja tetapi Tan Chong Motors mahu mengambil pekerja-pekerja baru oleh kerana gaji murah. Ini menunjukkan betapa tidak bertanggungjawab pihak majikan yang cuba mengelakkan tanggungjawab sosialnya. Kerajaan bertanggungjawab terhadap 350 orang pekerja ini dan memastikan bahawa mereka tidak akan kehilangan kerja atau mengalami apa-apa kerugian baik di dalam bentuk gaji atau senioritinya atau mengalami kerugian kepada hak-hak mereka hanya kerana franchise yang baru ini diberikan kepada Tan Chong Motors and Sons. Dalam tiap keadaan yang serupa ini di mana Kerajaan berniat untuk mengeluarkan franchise untuk memasang kereta-kereta di Malaysia, maka ia haruslah menetapkan salah satunya syarat pada penerima franchise ini iaitu orang yang menerima franchise ini hendaklah menerima kesemua tenaga buruh yang sedang bekerja di kilang pemasangan yang berkenaan tanpa mengakibatkan pekerja-pekerja kehilangan status, gaji dan senioriti atau hak-hak yang dinikmatinya, seperti gratuiti, cuti-cuti tahunan dan lain-lain.

Pekerja-pekerja dari kilang-kilang pemasangan kereta dan kesatuan-kesatuan serkerjanya sangat khuatir pada retrenchment yang sedang berlaku di bidang perusahaan pemasangan kereta, yang diakibatkan oleh pengeluaran franchise yang baru seperti pengilangan kereta-kereta Honda kepada Boon Siew yang mengancam kerja-kerja dari pekerja-pekerja di General Motors

di mana mereka sedang memasang kereta ini, dan pengimpotan kereta-kereta yang sudah dikondisikan semula dari Jepun.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah berwaspada dan berhati-hati pada masaalah ini, supaya pekerja-pekerja Malaysia tidak akan dibuang kerja hanya kerana kegagalan pegawai-pegawai dari pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengingati bahawa mereka tidak seharusnya membuat keputusan yang akan mengakibatkan kaum pekerja kehilangan mangkok nasinya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya juga menyentuh keperluan untuk menentang komunisma kerana tertelannya perbelanjaan pertahanan menelan perbelanjaan yang banyak tidak akan berkesan seperti inisiatif ketenteraan (military) yang disokong dengan sekuat-kuatnya oleh rakyat sendiri. Seolah-olah sudah dijadikan satu fesyen untuk pemimpin-pemimpin Kerajaan terutamanya pemimpin-pemimpin dari UMNO untuk mengatakan tentang ancaman komunis dan perlunya untuk berpendirian tidak berkompromi dalam peperangan terhadap ancaman ini. Rakyat Malaysia diberitahu bahawa Islam dan Komunisma tidak boleh bertolak-ansur, bukan sahaja dalam ucapan-ucapan oleh Kerajaan dan UMNO serta pemimpin-pemimpin parti pemerintah tetapi juga dilaung-laungkan dalam buku yang dikarang oleh pemimpin-pemimpin yang memerintah. Akan tetapi, apa yang sangat memeranjatkan kami ialah bila kami diberitahu bahawa dua orang tokoh parti pemerintah yang merintis untuk mendesakan pembersihan komunis dalam Kerajaan dan parti-parti pemerintah merupakan pemegang saham di Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Berhad yang berjumlah 13 peratus, iaitu sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan perkapalan ke Mekah difinance dan dicontrol oleh pihak Russia.

Ini telah menimbulkan kekeliruan bahawa adakah Kerajaan dan pemimpin-pemimpin UMNO sedang berjuang menentang komunisma China atau komunisma Russia, atau kedua-duanya?

Demi kepentingan orang awam, saya fikir perkara ini hendaklah dijelaskan. Jika sekiranya satu penyiasatan dilancarkan, saya bersedia memberikan maklumat-maklumat dan bahan-bahan yang perlu bagi penyiasatan tersebut. Akan tetapi, oleh kerana perkara ini ada kepentingan orang ramai dan

kedua-dua tokoh UMNO ini ada dalam Dewan ini iaitu seorang daripadanya ialah Setiausaha Agung UMNO dan seorang Ketua Pemuda UMNO, saya rasa perlulah mereka sendiri menjelaskan samada benar mereka memegang sebanyak \$800,000 saham masing-masing dalam Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat yang difinance dan dicontrol oleh Russia dan selanjutnya, Bank Moscow Norodny telah memberi jaminan sebanyak \$500,000 kepada Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd. untuk bekalan minyak marine kepada satu daripada kapal hajinya bernama "Malaysia Raya" secara hutang oleh Mobil Oil Malaysia Sdn. Bhd. yang telah mengakibatkan Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd. berhutang kepada Mobil Oil Malaysia Sdn. Bhd. sebanyak \$1.4 juta.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini patut diberi satu penjelasan yang nyata oleh Kerajaan dan pemimpin-pemimpin UMNO kerana tangle UMNO-Komunis ini mesti dijelaskan.

4.20 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Alor Gajah): Saya menyokong Belanjawan, 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Preventive Measure Menghapuskan Anasir-anasir Kominis

Langkah Kerajaan dalam usaha menghapuskan anasir-anasir kominis di negara ini adalah dialu-alukan dan pasti disokong oleh rakyat, tetapi publisiti mengenai perkara tersebut hendaklah diawasi supaya jangan sampai menimbulkan rasa bimbang dan ketakutan kepada rakyat negeri ini lebih-lebih lagi kepada "Foreign Investors" atau pemodal-pemodal luar negeri. Perjuangan kominis telahpun bermula di Malaysia sejak sebelum tercapainya kemerdekaan. Kita telah hidup dalam perjuangan menentang mereka daripada mula-mula lagi sehinggalah pada hari ini. Walaupun begitu pada masa yang telah lalu "Foreign Investors" masih berkeyakinan pada negara ini tetapi pada waktu-waktu yang akhir ini ada tanda-tanda yang menunjukkan telah timbul rasa kebimbangan di kalangan mereka disebabkan oleh publisiti mengenai gerakan kominis yang berlebihan.

Perkara ini hendaklah dipandang dengan serius dan berat dan diberi pertimbangan yang wajar kerana pada suatu masa dahulu, Malaysia telah terbukti menjadi tempat yang paling baik bagi penanaman modal asing di Asia Tenggara. Sebaliknya pada hari ini kedudukan Malaysia dari segi penarikan modal asing telah jatuh di antara negara-negara di Asia Tenggara. Kerajaan hendaklah berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki semula kedudukan ini. Jika tidak, usaha-usaha untuk membawa modal asing masuk ke Malaysia tidak berjaya sebagaimana yang dicita-citakan.

Walaupun rakyat telah memberikan kerjasama kepada pasukan keselamatan bagi menentang anasir komunis tetapi itu tidak berti perjuangan komunis telah dapat ditumpaskan. Walaupun banyak di antara penyokong-penyokong komunis telah diberkas tetapi tidak kurang pula kader-kader baru telah muncul. Ini dapat dibuktikan bahawa usaha membasmi komunis telah dimulakan dari sejak 25 tahun yang lalu, tetapi hingga sekarang ini komunis masih berkeliaran lagi. Langkah tegas yang mesti dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang ialah mengadakan "preventive measures" untuk menyekat fahaman komunis daripada merebak kepada rakyat negara ini. Pada hari ini tidak didapati ada mana-mana jua Kementerian yang bertanggungjawab dalam masalah ini. Seluruh jentera Kerajaan hendaklah dibulatkan dan digerakan di sepanjang masa sebagai satu benteng menyertai perang urat saraf untuk menahan rakyat daripada dapat diracuni oleh mereka itu. Kalau ini tidak dilaksanakan, saya bimbang komunis akan dapat mencapai kemenangan dalam perjuangannya.

Foreign Construction Development Incentive Law

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut mengadakan satu Akta yang dinamakan "Foreign Construction Development Incentive Act" dengan tujuan untuk menggalakkan dan membantu kontraktor-kontraktor atau developer dari negara ini untuk mengambil Tender Antarabangsa (International Tender) di luar negeri. Jika perlu Kerajaan pada peringkat permulaan bukan sahaja menggalakkan mereka tetapi juga membantu dari segi kewangan jika sekiranya mereka

mengalami kerugian dengan sesuatu bantuan yang berpatutan. Rancangan ini jika dilaksanakan akan memberi banyak faedah:

- (1) Negara akan mendapat keuntungan daripada "Foreign Exchange".
- (2) Negara kita akan dapat menampung pekerjaan kepada penganggur-penganggur untuk bekerja di luar negeri.
- (3) Kontraktor-kontraktor tersebut sudah pasti akan menggunakan banyak bahan-bahan mentah seperti kayu dan lain-lain lagi yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri.
- (4) Dapat meninggikan imej negara kita di luar negeri.

Negara-negara Arab di Timur Tengah mempunyai banyak projek-projek pembangunan dalam rancangan mereka dan pada masa ini didapati di negara-negara tersebut penuh dengan kontraktor-kontraktor dari Korea, Jepun, Taiwan dan Amerika. Boleh dikatakan tidak ada langsung kontraktor dan developer yang datang daripada negara kita. Untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat dalam pembangunan, saya fikir Kerajaan patut menubuhkan satu kementerian baru, iaitu "Ministry of Construction". Dengan adanya kementerian tersebut, usaha dalam lapangan pembinaan dalam dan di luar negeri akan dapat berjalan dengan lebih pesat dan luas dan juga akan dapat membantu kontraktor-kontraktor dan developer Bumiputra khususnya.

Kaedah-kaedah Syarikat Koperatif (Pindaan) 1976 dan Cukai-cukai ke atasnya

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai gerakan koperatif seperti yang disebutkan oleh Menteri Kewangan.

Kaedah-kaedah Syarikat Koperatif (Pindaan) 1976 yang terkandung dalam gezet Kerajaan tambahan No. 23 Perundangan (A) bertarikh 15hb April, 1975 hendaklah disemak semula dan dipinda. Kaedah-kaedah baru 10A(1), (2) dan (3) menentukan bahawa tidak ada orang yang boleh dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah dan duduk dalam Lembaga itu berturut-turut lebih daripada enam tahun. Orang yang seperti ini hanya boleh dilantik semula setelah berhenti atau digugurkan dari menjadi Ahli Lembaga Pengarah selama dua tahun. Kaedah-kaedah ini tidak dapat dipersetujui oleh koperasi-koperasi yang ada di negeri kita ini kerana

kaedah tersebut bertentangan dengan konsep demokrasi dan boleh menjadi halangan kepada perkembangan koperasi tersebut.

Saya menyokong dasar Kerajaan hendak mengenakan cukai kepada badan koperatif tetapi kaedah-kaedah cukai yang hendak dikenakan itu mesti ditimbangkan semula kerana badan koperasi adalah berlainan dengan syarikat-syarikat yang didaftar di bawah "Companies Laws". Walaupun koperasi itu mendapat keuntungan yang besar tetapi oleh kerana ahlinya ramai maka keuntungan yang diperolehi oleh tiap-tiap seorang ahli itu adalah terlalu sedikit dan mereka terpaksa membayar cukai sebanyak 40%. Tetapi sebaliknya sebuah koperasi lain yang tidak ramai ahlinya walaupun mendapat keuntungan sebanyak \$10,000 dan mereka dikenakan cukai hanya 5% sahaja dimana seseorang ahlinya akan mendapat keuntungan yang lebih besar jika dibandingkan dengan koperatif yang pertama yang saya sebutkan tadi.

Kadar cukai yang hendak dikenakan kepada tiap-tiap koperasi sepatutnya tidaklah berdasarkan kepada jumlah keuntungan semata-mata tetapi juga hendaklah ditimbang kepada jumlah ramai ahli-ahli koperasi tersebut supaya cukai yang dikenakan kepada tiap-tiap seorang ahli itu adalah adil.

Koperasi yang didapati "genuine" seratus peratus menjalankan perniagaan mengikut koperatif prinsipal iaitu menjalankan perniagaan sama sendiri dengan tidak melibatkan orang lain yang bukan ahli hendaklah dikecualikan daripada membayar cukai sama sekali seperti koperasi perumahan dan lain-lain lagi.

Cukai Pegangan Ke atas Faedah Yang Dibayar kepada orang bukan Pemastautin

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu orang-orang luar (foreigners) yang menyimpan wang dalam bank di Malaysia dikenakan cukai atas interest yang diperolehinya dan sekarang Kerajaan hendak meminda undang-undang itu. Saya menyokong dasar Kerajaan dalam perkara ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Budget Speechnya, tetapi saya tidak faham mengapa masih dikenakan syarat pengecualian cukai itu hanya dibuat selepas tiga tahun mereka menyimpan wang dalam negara ini. Pada pendapat saya

Kerajaan tidak menanggung apa-apa kerugian sedikit pun jika sekiranya pengecualian cukai itu dibuat mulai daripada tahun pertama mereka menyimpan wang di negeri kita ini. Dengan lain-lain perkataan, mereka dilepaskan sama sekali daripada sebarang syarat. Kita berkehendakkan banyak wang untuk melaksanakan rancangan pembangunan maka dengan sebab itu tidak lojik bagi kita mengenakan apa-apa sekatan yang boleh melemahkan minat mereka untuk menyimpan wang di negeri ini, dan saya percaya mereka akan membuat simpanan di negara-negara lain yang didapati lebih longgar syarat-syaratnya dan ini akan merugikan Malaysia sendiri.

Penyebaran Penerangan Mengenai Penanaman Modal hendaklah diluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin supaya tercapainya matlamat penanaman modal orang Melayu dan Bumiputra sebanyak 30% dalam tahun 1990 maka suatu gerakan raksaksa di mana seluruh tenaga Kerajaan daripada peringkat yang paling tinggi hinggalah ke peringkat daerah dan kampung hendaklah disatukan bagi menyebarkan penerangan dengan seluas-luasnya sehingga setiap orang Melayu dan Bumiputra memahami dengan sebenar-benarnya apa yang dikatakan penanaman modal dan faedah-faedah yang akan diperolehinya. Komplek Kewangan yang sedang menjalankan usaha ini menerusi kegiatan Saham Amanah—Unit Trusts (Amanah Saham Mara Berhad) dan Rancangan Simpanan Jimat-Cermat Kebangsaan yang dikaitkan dengan Saham Amanah (Amanah Saham Mara Nominees Sdn. Bhd.) tidak mampu hendak menunaikan dengan sepenuh-penuhnya tujuan tersebut kerana bukan sahaja tidak mempunyai wang yang cukup tetapi tidak ada mempunyai kekuasaan untuk mendapatkan kerjasama dari semua peringkat jentera Kerajaan. Dalam hubungan ini Syarikat Amanah Saham Mara Nominees Sdn. Bhd. yang mengendalikan Rancangan Simpanan Jimat-Cermat Kebangsaan boleh dijadikan sebagai asas dengan diperbesarkan lagi kegiatannya dengan bantuan kewangan yang cukup dari Kerajaan. Disamping itu Kerajaan hendaklah mengadakan kuasa-kuasa yang tertentu bagi membolehkan badan ini mendapatkan kerjasama yang berkesan daripada segenap jentera Kerajaan. Langkah ini juga jika dilaksanakan akan juga merupakan kempen menentang anasir

kominis yang hendak mengelirukan fikiran rakyat mengenai perkembangan ekonomi negara kita.

Elakkan Ekspot Barang-barang Mentah Dari Orang Tengah

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyenutuh soal penjualan barang-barang mentah daripada negeri kita ini. Kerajaan hendaklah memberikan perhatian kepada saudagar-saudagar atau negeri-negeri luar yang mengimpot barang-barang mentah dari negara kita. Sebagai contoh, saya diberitahu nenas dan kayu umpamanya ataupun balak yang dibeli oleh saudagar-saudagar Jepun telah dijual kepada negara asing, dengan lain-lain perkataan mereka hanya menjadi orang tengah untuk mendapat keuntungan. Dengan adanya perantaraan orang tengah ini bermakna Malaysia mendapat keuntungan yang kurang daripada yang sepatutnya. Sebaliknya Malaysia akan mendapat keuntungan yang lebih banyak jika ianya dapat mengekspot terus bahan-bahan tersebut ke negeri-negeri pengguna tersebut.

Meluaskan Penerbangan MAS ke Jeddah

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat mempelajari sebahagian daripada kehendak-kehendak orang-orang dari Timur Tengah (Negara Arab) dalam hubungan ekonomi dengan negara kita ini. Saya mengambil kesimpulan selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan dan akan dijalankan bahawa Syarikat Penerbangan MAS hendaklah berikhtiar supaya segera dapat mengadakan penerbangannya yang lebih banyak ke negeri tersebut kerana saya dapati banyak ahli-ahli perniagaan dan pelancungan daripada negeri tersebut iaitu Saudi Arabia dan negara-negara Arab yang lain mempunyai minat dan keinginan hendak datang ke negara ini untuk menjalankan perniagaan. Selama ini orang-orang daripada Timur Tengah hanya menumpukan perhatian mereka kepada dunia barat, baik dari segi perniagaan ataupun pelancungan. Saya percaya dengan adanya kemampuan yang dibuktikan oleh MAS kelak, penerbangan ini akan menjadi satu penerbangan yang popular dan dengan secara tidak langsung dapat pula menarik pelabur-pelabur dari negeri tersebut datang melaburkan modal mereka ke negeri ini sambil melancung.

Mengkaji Semula Pengeluaran Tayar

Di Timur Tengah juga saya diberitahu dalam tahun 1974 saudagar-saudagar di Saudi Arabia telah memesan hendak membeli sebanyak 40,000 buah tayar motokar daripada Malaysia, tetapi malangnya, Malaysia tidak dapat memenuhi pesanan-pesanan itu. Kerajaan mestilah mengkaji semula usaha mengeluarkan tayar yang dibuat di Malaysia sendiri supaya kita dapat mengekspot lebih banyak lagi tayar buatan kita sendiri. Kegagalan kita memenuhi permintaan tayar sebagaimana yang dialami dalam tahun 1974 itu sudah pasti merugikan ekonomi negara.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Jawatankuasa Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Negara

Sebuah jawatankuasa untuk mengkaji perlaksanaan Dasar Pelajaran Negara telah ditubuhkan setahun yang lampau yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran sendiri. Tujuan ditubuhkan jawatankuasa itu ialah untuk menentukan bahawa perlaksanaan dasar Kerajaan benar-benar sesuai dengan keperluan negara. Kanak-kanak yang meninggalkan bangku sekolah dikehendaki mempunyai pelajaran yang membolehkan mereka mencari penghidupan bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi di Malaysia sekarang. Saya menganggap pengkajian ini sangat penting, kerana tidak ada faedahnya Kerajaan mengeluarkan wang yang begitu banyak pada setiap tahun jika sekiranya perlaksanaan dasar pelajaran itu tidak mencapai matlamat yang kita kehendaki. Saya menyeru supaya jawatankuasa ini jangan melengah-lengahkan lagi pengkajian mereka untuk menyiapkan laporan tersebut dan dikemukakan kepada orang ramai dengan seberapa segera yang boleh.

Pembaharuan Dalam Perlantikan "Trade Commissioners"

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya mengadakan pembaharuan dalam perlantikan "Trade Commissioners" Malaysia di luar negeri. Saya sekali-kali tidak berniat hendak memperkecilkan kebolehan dan ketekunan "Trade Commissioners" kita yang ada sekarang tetapi pada fikiran saya tentulah ada baik jika Kerajaan mempelawa ahli-ahli perniagaan yang cenderung untuk berkhidmat

beberapa waktu kepada Kerajaan sebagai "Trade Commissioners". Saya percaya ada ahli-ahli perniagaan yang sanggup berbuat demikian. Perkhidmatan mereka tentulah lebih berkesan kerana mereka terdiri daripada ahli-ahli perniagaan di mana mereka mempunyai minat perniagaan yang kuat dan mempunyai pengetahuan dalam selok-belok perniagaan yang boleh memberi keuntungan yang bosan kepada negara kita dan rakyat sekaliannya.

Bank Garanti Maksima \$100,000 Sebelum Memulakan Projek Perumahan

Kementerian Perumahan telah membuat peraturan di mana "Housing Developer" mestilah mendapatkan bank garanti maksima sebanyak \$100,000 atau 10% berdasarkan kos pembangunan bagi syarikat-syarikat pemaju perumahan yang mempunyai modal dibayar (paid-up capital) kurang dari \$250,000 sebelum mereka dapat memulakan projek-projek perumahan. Saya sedar bahawa tujuan ini adalah baik untuk melindungi pembeli-pembeli rumah supaya tidak teraniaya. Dalam hubungan ini Kerajaan mestilah menimbangkan pula kesulitan yang dihadapi oleh developer-developer Melayu dan Bumiputra yang baharu hendak muncul, dengan modal yang sedikit sudah pasti tidak dapat mereka mengadakan wang jaminan yang dikehendaki itu. MARA mestilah membantu orang-orang Melayu dalam perkara ini, untuk mendapatkan bank garanti yang tersebut. MARA hendaklah mengkaji lebih dahulu dengan teliti projek-projek tersebut sebelum memberikan jaminan. Jika difikirkan perlu MARA boleh melantik pegawai-pegawainya duduk dalam Lembaga Pengarah badan-badan dan/atau syarikat tersebut untuk mengawal perjalanan kewangannya. Dengan adanya kemudahan ini dapatlah orang-orang Melayu merebut peluang dan berkecimpung dalam projek-projek perumahan. Jika ini tidak dilaksanakan harapan untuk menarik pengusaha-pengusaha Melayu dan bumiputra akan menjadi impian sahaja.

Bantuan Kewangan Kepada Pentadbiran Persatuan Peniaga Kecil

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar MARA ada memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputra dalam bentuk pinjaman wang dan mengadakan tempat-tempat berniaga, tetapi bantuan setakat itu sahaja tidaklah mencukupi. Kita patut

mengucapkan tahniah kepada peniaga-peniaga kecil Melayu kerana berjaya menubuhkan persatuannya dengan tujuan menyahut seruan Kerajaan. Dengan demikian, dapatlah mereka menyatukan tenaga untuk memperbesar perniagaan mereka itu. Untuk mempesatkan lagi kemampuan mereka, MARA mestilah mengeluarkan sedikit bantuan wang bagi membantu pentadbiran Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Bumiputra itu untuk melicinkan perjalanan persatuannya. Dengan galakan daripada Kerajaan itu adalah diharapkan persatuan itu akan hidup dan dapat membimbing ahli-ahlinya supaya perniagaan mereka dapat terus hidup dan berkembang dan boleh membesar lagi dimasa hadapan. Kesulitan untuk membantu orang-orang Melayu dalam perniagaan ialah bagaimana hendak menghidupkan semangat kesanggupan mereka untuk masuk dalam bidang perniagaan. Oleh itu, semangat yang ada pada peniaga-peniaga kecil itu hendaklah dibaja dan disirami air supaya bertambah subur. Jika tidak, maka harapan Kerajaan hendak melatih orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan tidak akan tercapai.

Langkah Mengkontrol Harga Barang

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberikan satu pandangan yang lain mengenai kontrol harga barang-barang mustahak di negeri kita. Langkah Kerajaan untuk kontrol harga barang-barang yang diperlukan terutama bahan-bahan binaan hendaklah disemak semula, kerana peraturan yang berjalan sekarang ini tidak dapat mencapai tujuan seperti yang dimaksudkan dengan sepenuhnya. Tujuan Kerajaan mengadakan langkah ini ialah supaya harga barang-barang itu tidak melambung tinggi yang akan menimbulkan kesulitan terutama kepada rakyat miskin yang hendak membeli rumah atau kedai-kedai perniagaan. Tujuan ini memang baik tetapi akibat yang timbul daripadanya adalah sebaliknya, kerana setengah-setengah pengeluaran itu dengan sengaja telah mengurangkan jumlah pengeluarannya. Dengan mengurangkan pengeluarannya menyebabkan harga barang-barang tersebut melambung semula dan pasaran gelap telah menjadi-jadi sebab kekurangan barang. Sebaliknya, pihak pengeluar akan mendapat keuntungan yang lebih lumayan daripada biasa dengan adanya berlaku pasaran gelap.

itu. Kerajaan mesti mengawasi jumlah pengeluaran daripada kilang-kilang itu tidak berkurangan sekalipun harganya telah dikontrol.

Pertubuhan Stock Exchange Yang Baru

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Stock Exchange. Saya telah mencadangkan supaya Kerajaan membenarkan penubuhan satu lagi Stock Exchange di Malaysia. Kertas kerja bagi penubuhan Stock Exchange itu telahpun dikemukakan kepada Bank Negara dan saya berharap Bank Negara segera membuat kajian dan keputusan. Stock Exchange yang saya cadangkan itu bukanlah satu stock exchange bagi orang-orang Melayu sahaja, kerana langkah yang demikian tidak akan dapat menyampaikan maksud stock exchange yang baru itu. Stock exchange yang baru itu hendaklah dijalankan oleh semua bangsa tetapi dengan memberi peluang yang lebih luas kepada orang-orang Melayu supaya dapat menyertainya secara perkongsian yang berkesan dan bukan seperti yang ada sekarang ini kerana tidak banyak peluang yang boleh didapati oleh orang Melayu. Jika sekiranya Stock Exchange yang baru ini tidak dapat dibuat pada masa ini kerana kekurangan perniagaan, saya berharap untuk sementara waktu Kerajaan akan dapat menyemak semula undang-undang dan Peraturan Stock Exchange yang ada sekarang ini dimana syarikat-syarikat yang dipunyai oleh orang Melayu dapat didaftarkan dalam Stock Exchange yang ada sekarang. Perkara ini amatlah mustahak disegerakan kerana Kerajaan sudahpun mulai hendak menjualkan saham-saham yang dipegangnya sekarang kepada orang Melayu dan Bumiputra dan Stock Exchange adalah merupakan jentera yang terpenting untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Perusahaan Pengangkutan Yang Dialibabakan

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk membasmi perniagaan Ali-Baba hendaklah dijalankan secara positif. Langkah Kementerian Pengangkutan menarik semula lesen-lesen teksi dan lori yang telah dialibabakan adalah merupakan tindakan negatif. Kerajaan hendaklah mengkaji dengan mendalam mengapa mereka yang mendapat lesen-lesen itu tidak dapat menjalankan perniagaan mereka dengan sendiri. Misalnya, mereka yang mendapat permit lori biasanya menghadapi dua kesulitan:

(a) modal;

(b) mendapatkan barang-barang yang seharusnya diangkut.

Dalam hubungan ini patutlah Kerajaan mengadakan syarat-syarat kepada setengah-setengah pengedar dan pengeluar supaya menggunakan seberapa yang patut perkhidmatan pengangkutan yang diusahakan oleh orang Melayu dan Bumiputra. Jika tidak, maka lori-lori yang dikeluarkan kepada bumiputra itu akan menjadi sia-sia sahaja atau sebaliknya akan dialibabakan.

Kerja-kerja pengangkutan yang diperlukan oleh Jabatan Kerjaraya sangatlah banyak. Jika sekiranya sebahagian daripada kerja-kerja itu dapat diberikan kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra akan merupakan satu pertolongan yang besar untuk mengatasi perniagaan Ali-Baba yang menjadi penyakit kepada kita sekalian selama ini.

Pembayaran Tertangguh (Delayed Dealing) Di Pasaran Saham (Stock Exchange)

Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang ada di Pasaran Saham Kuala Lumpur pada masa ini tidak membenarkan perdagangan delayed dealing, pada hal kemudahan ini sedang dipraktikkan oleh sebahagian besar stock exchange di seluruh dunia. Tujuan kemudahan delayed dealing ini ialah untuk memberi peluang kepada pelabur-pelabur menyertai pasaran berdasarkan keyakinan perubahan ekonomi dimasa hadapan.

Bagi pelabur-pelabur yang dapat mengesan perkara ini dan menjangka pasaran akan meningkat dengan adanya perkembangan ekonomi yang menggalakkan, pelabur-pelabur ini akan menyertai pasaran sebelum saham-saham itu meningkat. Dengan adanya delayed dealing ini kemudahan-kemudahan pembelian dengan tidak melibatkan pembayaran tunai boleh diusahakan. Begitu juga dengan adanya kemudahan delayed dealing ini juga akan menggalakkan pemodal-pemodal untuk menceburkan diri dalam pasaran saham samada mereka meyakinkan ekonomi negara akan berkembang dan begitu juga sebaliknya.

Kegiatan pasaran saham adalah mencerminkan keyakinan pelabur-pelabur di atas perkembangan ekonomi negara ataupun sebaliknya. Jika sekiranya kemudahan-kemudahan seperti ini tidak diwujudkan, maka kemungkinan kegiatan pasaran saham tidak

melambangkan kedudukan sebenar perimbangan pertumbuhan ekonomi di negara kita, dan kemungkinan pemodal-pemodal asing akan mengambil kesempatan ini untuk menyertai pasaran dengan membeli saham yang tertentu dengan lebih murah atau mendahului pelabur-pelabur tempatan. Oleh yang demikian, apabila pelabur-pelabur tempatan mula hendak menyertai pasaran, maka didapati harga saham telah melambung tinggi. Pada hemat saya adalah baik jika Kerajaan dapat menyemak semula perkara ini dan mewujudkan semula delayed dealing di Pasaran Saham Kuala Lumpur, maka sedikit sebanyak dengan cara tidak langsung menggalakkan pelabur-pelabur tempatan menyertai pasaran.

Duti Eksais

Saya tidak bersetuju langkah Kerajaan menaikkan cukai barang-barang separuh mewah seperti peti talivisyen, peti ais, cerek letrik dan dapur letrik kerana barang-barang tersebut adalah merupakan barang-barang yang penting kepada penghidupan rakyat sehari-hari. Sepatutnya, pada fikiran saya Kerajaan hendaklah menurunkan lagi cukai-cukai yang dikenakan kepada talivisyen dan radio, kerana sangat besar faedahnya jika sekiranya setiap orang rakyat ada mempunyai talivisyen dan radio di negeri kita. Talivisyen dan radio adalah merupakan alat komunikasi yang terpenting di antara Kerajaan dengan rakyat. Jika sekiranya kedua-dua alat tersebut dapat dibeli dengan harga murah, sudah pasti dapat menyokong Kerajaan dan negara kerana membentuk pemikiran rakyat dapat sampai kepada setiap orang rakyat melalui kedua-dua mass media tersebut. Tetapi sebaliknya dengan menaikkan duti-duti eksais di atas kedua-dua barang tersebut akan mengurangkan jumlah rakyat mempunyai radio dan talivisyen dan ini akan merugikan Kerajaan sendiri. Begitu juga barang-barang keperluan yang lain seperti peti ais, cerek letrik yang sepatutnya dapat dibeli dengan harga murah untuk menimbulkan satu perubahan baru di kalangan rakyat negeri kita.

Dasar Luar Negeri

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan dasar luar negeri. Peristiwa yang berlaku dalam persidangan non-aligned countries di Sri Langka mengenai pengecualian negara-negara Tenggara Asia hendaklah menjadi satu peng-

ajaran kepada kita supaya kita tidak terperangkap lagi pada masa yang akan datang. Peristiwa seperti ini bukanlah merupakan peristiwa kali yang pertama mengenai negara kita yang mana kita telah keciwa. Peristiwa pertama telah berlaku pada masa kita menghadapi konfrantasi daripada "regime" President Sukarno dahulu. Pada masa itu Malaysia belum lagi bersedia dan di mana kita telah terpaksa menggunakan tenaga dan wang yang sangat banyak mengunjungi negara-negara Afrika dan Asia yang menjadi Ahli negara-negara berkecuali untuk menerangkan kedudukan Malaysia yang sebenar dalam masaalah ini dan ini adalah kali yang kedua berlaku kepada negara kita.

"Non-aligned Conference" dalam bentuk yang ada sekarang tidak lagi menyamai dengan bentuknya seperti pada masa mula ditubuhkan dahulu. Pengaruh blok barat dan komunis telah mulai meresap di dalam badan tersebut dan ini telah terbukti dalam persidangan di Sri Langka dan dengan kecuaiannya kita tidak menyedari atas perkara tersebut menyebabkan kita telah keciwa untuk mendapat sokongan penuh daripada badan tersebut di atas dasar pengecualian Tenggara Asia. Saya bersetuju dan menyokong penuh supaya Malaysia terus menjadi anggota badan negara-negara berkecuali itu tetapi kita hendaklah lebih berhati-hati lagi pada masa yang akan datang. Saya berharap kekecewaan kita dua kali yang telah lalu itu akan menjadi sebaik-baik pengajaran kita untuk perjuangan kita pada masa yang akan datang. Saya menyeru supaya negara-negara di Tenggara Asia tidak patah hati dan tidak berdiam diri dan hendaklah bertindak segera dan lebih cepat lagi bagi menimbulkan kembali keyakinan negara-negara di dunia terutama sekali negara-negara yang menyertai Non-aligned Conference itu di atas dasar pengecualian Malaysia dan Tenggara Asia. Jika tidak, Malaysia dan juga negara-negara lain yang menganggotai ASEAN akan kekal dan sentiasa dianggap oleh setengah-setengah negara non-aligned sebagai sebuah negara pro barat dan ini akan mengheret diri kita dalam pertikaian di antara negara-negara besar di dunia ini pada masa yang akan datang.

4.53 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang

Berhormat Menteri Kewangan atas maiden budgetnya. Tetapi malangnya saya ingin juga menyatakan daripada beberapa segi yang saya akan sentuh tidak berapa lama lagi budgetnya ialah satu non even walaupun budget itu dipuji oleh beberapa pihak termasuk suratkhbar di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan budget itu tidak ada beberapa idea baru atau innovation yang akan menggalakkan ekonomi kita. Nampaknya Budget untuk tahun 1977 dipuji oleh suratkhbar sebagai budget yang mild and fair dan Budget itu akan menggalakkan ekonomi kita pada tahun yang akan datang.

Tetapi, kalau kita mengkaji Budget ataupun belanjawan itu dengan teliti dan mendalam, kita sedar seorang anak raja daripada Kelantan sudah menjadi politician dan sekarang sebagai seorang Menteri Kewangan juga membela si kaya dan kaum-kaum capitalist di tanahair kita dan tidak memberi beberapa faedah kepada si miskin di tanah air kita dan Menteri Kewangan juga seperti bekas Menteri Kewangan dahulu tidak mahu legislate away his own wealth dan juga kekayaan rakan-rakan jutawannya di dalam Barisan Nasional

Tuan Yang di-Pertua: Fasal apa yang Berhormat menyangka niat tidak baik kepada pihak Menteri itu samada dia anak raja atau orang kaya, dia Menteri Kerajaan!

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya akan membuktikan tidak berapa lama lagi apa yang disebutkan oleh saya.

Tuan Yang di-Pertua, beliau ada memberi sedikit sebanyak rebate kepada si miskin di sana sini tetapi beliau telah memberi beribu-ribu barangkali berjuta-juta kepada kaum capitalist di tanahair kita. Oleh sebab itu, saya kata beliau membela kaum capitalist di tanahair kita dan

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah padan dibangkitkan tadi dia anak raja dan anak orang kaya, sekarang hendak tegur macam manapun boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri Kewangan mengapakah beliau tidak menaikkan cukai corporation (corporation tax) dan juga cukai persendirian dan kalau beliau berbuat demikian beliau akan mendapatkan

beberapa juta, tetapi beliau tidak berbuat demikian. Ini disebabkan Kerajaan Barisan Nasional percaya dengan suatu policy free enterprise dan laissez-faire economy dan kita telah diperintah di bawah satu sistem capitalist dan feudalism di tanahair kita yang mana si kaya telah menjadi lebih kaya dan si miskin telah menjadi lebih miskin jika dibandingkan dengan kekayaan si kaya yang kita dapati di dalam tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengkaji Belanjawan tahun 1977 daripada tiga segi iaitu the performance of the Budget in 1976, the policies

Tuan Yang di-Pertua: Berucap dalam Bahasa Malaysia, Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan. Saya hendak cakap sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Dr Tan Chee Khoon: The policies bukan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi ucapan beliau yang panjang dalam Bahasa Malaysia.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, saya bukan hendak bercakap dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua. The policies—tentang Budget Tahun 1977 dan cukai-cukai yang akan dikutip pada tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, Budget tahun 1976 yang dikemukakan di Dewan ini kita telah ada recession yang terlampau teruk dalam 30 tahun yang lalu. Menteri Kewangan pada masa itu menyatakan kita akan mendapat growth rate of 6% pada tahun 1976. Ini telah dicapai oleh Kerajaan oleh sebab kita telah mendapati eksport yang besar dan kita pun ada mendapati sedikit growth di dalam sektor swasta di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Treasury's Economic Report pada tahun 1972, 1973 dan 1976 kita telah mendapat export performance yang baik tetapi malangnya performance di dalam sektor swasta tidak sesuai atau tidak seimbang dengan export performance dan juga walaupun peruntukan untuk pembangunan sebanyak \$3,317 juta telah diuntukkan tetapi malangnya Menteri Kewangan kata pada tahun ini barangkali \$2,400 juta akan dibelanjakan, pada pendapat saya itupun

tidak akan dicapai. Ini bermakna shortfall ini adalah besar dan ini disebabkan jentera Kerajaan tidak mencukupi untuk membelanjakan wang yang begitu banyak yang diutangkan oleh Dewan ini dan di dalam sektor swasta juga; walaupun budget forecast untuk tahun 1976 adalah 5% growth rate tetapi saya tidak fikir ini akan tercapai oleh sebab dasar-dasar atau polisi-polisi yang diadakan oleh Kerajaan adalah tidak sesuai dan tidak flexible walaupun Menteri Kewangan di dalam ucapannya mengatakan polisi Kerajaan adalah flexible.

Tuan Yang di-Pertua, investment climate pada masa ini yang dialami oleh negara kita tidak baik. Wakil dari Alor Gajah, bekas Menteri Pertanian telah mengatakan suasana pelaburan di tanah air tidak baik, oleh sebab ada dua Akta iaitu Akta Penyelarasan dan Perindustrian dan Petroleum (Amendment) Act. Kedua-dua Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, telah ditakutkan oleh peniaga-peniaga besar mahupun peniaga-peniaga kecil dan oleh itu Kerajaan tidak boleh, pada pendapat saya, menggalakkan pihak-pihak sektor swasta untuk menanam modal dan membina kilang, membesarkan kilang di tanahair kita. Kita mesti sedar di tanahair kita bukan satu negara sahaja yang mahu warganegara atau orang asing menanam modal di tanahair, ada juga negara lain seperti jiran kita Indonesia, Philippines, Singapore dan Thailand semuanya hendak menyeru pemodal-pemodal membawa modal dan technical expertise ke dalam negara mereka. Kita mesti mengadakan beberapa langkah yang sesuai untuk mereka menanam modal ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kedua-dua Akta yang disebutkan oleh saya tadi malangnya ada beberapa pegawai-pegawai di perkhidmatan Kerajaan di middle level range yang telah menjadi racialist di dalam negara kita dan di Dewan ini saya telah bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah beliau sedar tentang perkara ini dan beliau telah menjawab bahawa beliau tidak sedar. Tetapi ini benar dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang yang jujur dan ikhlas boleh siasat perkara ini oleh sebab perkara ini terlampau penting bukan kepada rakyat jelata di tanahair kita sahaja tetapi kepada peniaga-peniaga juga.

Tuan Yang di-Pertua, public finance pada tahun 1976. Apabila budget tahun 1976 dibentangkan kepada Dewan ini Menteri Ke-

wangan pada masa itu ada berkata pada tahun 1975 kita akan mengadakan suatu deficit sebanyak \$135 juta. Pendapatan untuk tahun ini yang dianggarkan sebanyak \$4,815 juta dan perbelanjaan ialah \$4,950 juta, tetapi kita akan diberi tahu sekarang untuk tahun 1975 kita akan dapat kelebihan bukan deficit sebanyak \$217 juta. Untuk tahun ini Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata kita akan dapat surplus \$55 juta. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyatakan untuk tahun ini kelebihan pendapatan iaitu surplus bukan akan menjadi \$55 juta tetapi lebih banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Kerajaan atau Menteri Kewangan, mengapakah beliau telah buat forecast seperti ini? Adakah ini satu forecast yang kecil oleh sebab ada tentangan dari CUEPACS memberi amaran dan menyeru Kerajaan mengimplementasikan Lapuran Ibrahim Ali. Tuan Yang di-Pertua, untuk kontek ini, saya suka sebutkan tentang Table 11.1 di dalam Economic Report. Di dalam Economic Report ini, pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan Kerajaan pada tahun 1976 ialah 537,000 dan untuk tahun 1975 angkanya ialah 334,000. Ini bermakna ada kelebihan 60.8% di dalam satu tahun. Ini bermakna juga dalam tahun 1976 apabila pengambilan pekerja dibekukan, ada kelebihan atau Kerajaan telah mengambil pekerja baru 203,000 pekerja-pekerja di dalam tahun 1976. Angka yang diberi oleh saya, Tuan Yang di-Pertua, boleh didapati dalam Table 11.1 langsung tidak boleh dipercayai dan saya hendak bertanya kepada Kerajaan mengapakah Kerajaan berbuat demikian.

Begitu juga di dalam Table 10.1 yang mana balance of payments telah mengadakan satu surplus sebanyak \$142 juta, walaupun pada tahun itu negara kita telah mendapat trade account yang paling besar iaitu sebanyak \$2,157 juta. Ini tidak boleh dipercayai dan saya berharap Menteri Kewangan dan kakitangannya akan siasat perkara ini oleh sebab kita ada deficit dalam Table 10.1 sebanyak \$1,875 juta untuk services. Itupun juga satu record. Tetapi, kalau kita baca table ini dengan teliti, kita akan melihat di bawah errors and omissions ada \$604 juta. Saya ada baca table ini dengan teliti barangkali 10 tahun lebih kita tidak ada satu positive figure melainkan tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu angka-angka ini menunjukkan atau dalam bahasa Inggerisnya, jika diizinkan, cooked

the figures oleh sebab ada rayuan daripada CUEPACS tentang Lapuran Ibrahim Ali. Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan mengatakan dalam tahun 1977 kita akan dapati growth rate 7%. Ini disebabkan, Tuan Yang di-Pertua, beliau menyatakan ekonomi dunia akan diluaskan tetapi adakah beliau sedar di dalam developed countries ada sedikit slowing down of economy dan ada juga ada economist yang berkata ekonomi dunia akan falter. Tuan Yang di-Pertua, kalau ekonomi dunia ada slow down sedikit, maka eksport kita terutama getah, bijih timah dan kelapa sawit boleh dikurangkan dan begitu juga hasil Kerajaan boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Menteri Kewangan telah menyatakan private sector akan juga mencapai growth rate 10%. Saya tidak ada bukti growth rate di dalam sektor swasta pada tahun akan datang akan digalakkan begitu banyak dan kita akan mencapai 10% growth ratenya.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang ketiga yang disebutkan oleh Menteri Kewangan ialah G.D.P., katanya akan mencapai 9%. Beliau telah membentangkan \$4,694 juta untuk perbelanjaan pembangunan, tetapi beliau sendiri telah mengakui ada short-falls sebanyak \$1,324 juta untuk tahun 1977. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan terlampau optimistic tentang forecastnya. Oleh sebab ada beberapa faktor yang terhad menggalakkan ekonomi kita, saya berharap Menteri Kewangan akan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah yang saya telah sebutkan dan akan sebutkan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, private investment (sektor swasta) di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan ingin mencapai growth rate 10% tiap-tiap tahun. Ini kalau kita ada suasana yang paling baik, itupun susah hendak mencapai, tetapi oleh sebab kita ada suasana pelaburan yang tidak begitu baik, maka katanya kita tidak akan mencapai growth rate yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali Menteri Kewangan tidak sedar pada masa dahulu ada beberapa peniaga-peniaga besar yang mendapati bahawa suasana di tanahair kita tidak begitu baik, lalu mereka menghantar modalnya keluar negeri, seumpama ke Hong Kong, Taiwan dan Singapura dan apabila suasana di tanahair kita baik, mereka mengambil balik, mengembalikan modalnya

ke negeri kita, tetapi faktor yang baharu sekarang ialah entrepreneurs—pemodal-pemodal sekarang ikut modal keluar negeri. Mereka tidak tahu satu perkataan Inggeris pun tetapi mereka ikut modalnya keluar negeri. Ini dahsyat, Tuan Yang di-Pertua, dan sangat merbahaya kepada suasana pelaburan di tanahair kita, oleh sebab kalau sekiranya kita berkehendakkan pelabur asing datang ke negeri kita, kita mesti ada polisi mengenai suasana di tanahair, mesti dapat persetujuan dan kepercayaan pemodal-pemodal di tanahair kita dahulu. Kalau pemodal-pemodal di tanahair tidak percaya, bagaimanakah kita boleh menyeru pemodal-pemodal asing daripada luar negeri untuk datang ke negeri kita dan menanam modal di tanahair kita dan keadaan seperti ini disebabkan kedua-dua Akta yang saya sebutkan tadi iaitu Industrial Coordination Act dan Petroleum Development Act dan saya menyeru dan mendesak Kerajaan membatalkan kedua-dua Akta ini supaya kita boleh restore the confidence—kepercayaan pemodal-pemodal, peniaga-peniaga di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak sebut sedikit sebanyak tentang public debt and public debt servicing. Di dalam Rancangan Malaysia Kedua, pada tahun 1970 public debt di tanahair ialah \$5,016 juta sahaja tetapi pada tahun 1975 telah meningkat kepada \$11,178 juta. Ini bermakna di dalam tempoh lima tahun public debt kita telah naik dua kali ganda. Ini terlampau banyak, Tuan Yang di-Pertua. External Debt atau hutang asing kita telah meningkat tiga kali ganda daripada \$745 juta dalam 1970 ke \$2,424 juta pada tahun 1975. Dan Domestic Debt telah meningkat sebanyak dua kali ganda daripada \$4,271 juta kepada \$8,750 juta pada tahun 1975.

Untuk tahun 1976 Tuan Yang di-Pertua, Domestic Debt telah dinaikkan sebanyak \$1,505 juta, di akhir tahun 1976 Domestic Debt kita sebanyak \$10,261 juta, foreign debt kita juga telah meningkat sebanyak \$425 juta, manakala di akhir tahun ini telah meningkat sejumlah \$2,849 juta. Ini bermakna pada akhir tahun ini public debt kita ialah sebanyak \$13,110 juta. Tuan Yang di-Pertua, mengenai public debt ini yang berjumlah sebanyak \$13 billion lebih adalah terlampau banyak.

Saya masih ingat lagi apabila Yang Berbahagia Tun Tan Siew Sin, bekas Menteri Kewangan kita beberapa tahun dahulu membentangkan Belanjawan untuk 3-4 tahun yang lalu beliau telah mengatakan merasa khuatir dan bimbang tentang public debt kita begitu banyak, dan beliau juga telah menyatakan akan menjemput dua orang pakar daripada Bank Dunia untuk datang ke negeri kita bagi menyasat perkara ini. Tetapi malangnya, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita sekarang langsung tidak bimbang atau khuatir tentang public debt yang begitu banyak.

Saya hendak bertanya kepada beliau apakah yang telah terjadi mengenai cadangan daripada Tun Tan Siew Sin dan kalau cadangan itu telah ditolak, mengapakah ditolak?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh sedikit mengenai wang yang diuntukkan bagi Public Debt Servicing iaitu wang yang kita bayar sebagai faedah dan modal. Pada tahun 1967 kita hanya berbelanja sebanyak \$152 juta, ini bermakna ada kenaikan pada tahun ini sebanyak 13.4%. Pada tahun 1975 pula kita telah mencapai \$619 juta untuk public debt servicing, ini juga ada kenaikan sebanyak 25.5%. Bagi tahun 1976, Tuan Yang di-Pertua, public debt servicing ialah \$778 juta iaitu 25.7% kenaikannya. Untuk tahun 1977 mengikut kata Yang Berhormat Menteri Kewangan public debt servicing telah melebihi daripada \$1 billion, iaitu \$1,070 juta dan kenaikannya ialah 32.5%.

Pada tahun 1975 kalau kita belanja sebanyak \$1 daripada current account, 13 sen ialah untuk membayar public debt servicing. Di tahun 1976 pula sekiranya kita berbelanja sebanyak \$1, kita dikehendaki membayar 14 sen kepada public debt servicing. Tetapi untuk tahun 1977 sekiranya kita berbelanja sebanyak \$1 daripada current account kita kena bayar 13 sen untuk membayar public debt account.

Tuan Yang di-Pertua, bilakah kita hendak berhentikan public debt servicing? Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan biar begitu sahaja? Kalau kita mempunyai wang \$1 bayar 50 sen untuk public debt servicing yang tinggal hanya 50 sen sahaja untuk current account.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa khuatir mengenai perbelanjaan yang begitu banyak untuk public debt servicing. Pada pendapat saya ini adalah disebabkan ada beberapa rancangan yang perbelanjaan terbiar sahaja.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai SPICA-M Fast Strike Crafts dan beliau telah menyebutkan walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata dan berjanji di Dewan ini di dalam ucapannya yang mengatakan "I will see that every dollar counts." Tetapi beliau juga bersetuju yang Menteri dan Timbalan Menteri diberi dua penerbangan percuma bagi berihat di luar negeri, disebabkan suasana di tanahair kita tidak begitu sesuai untuk Menteri, tetapi sesuai untuk rakyat jelata yang tidak berpeluang walaupun melihat kapal terbang. Bagi Menteri pula sebanyak dua kali pada tiap-tiap tahun ada peluang untuk keluar negeri, bukan Menteri sahaja bahkan keluarganya juga. Ini bukankah membazirkan wang rakyat di tanahair kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk mengurangkan public debt kita dan juga untuk mengurangkan public debt servicing, kita jangan membesarkan foreign reserves. Mengikut Economic Report ini dan juga mengikut ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan foreign reserves kita pada akhir tahun ini telah meningkat sebanyak \$5,430 juta, dan ini boleh membayar import kita sebanyak tujuh bulan. Kalau pada tahun akan datang kita akan meminjam sebanyak \$900 juta daripada luar negeri, apa salahnya kalau kita kurangkan foreign reserves kita sebanyak \$900 juta supaya wang kita yang ditanam di luar negeri yang disebabkan mereka mencari kekayaan di sana kembalikan wang ke negeri kita dan menanamkan wang itu di negeri kita supaya kita boleh membelanjakan bagi beberapa rancangan pembangunan di tanahair kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kalau kita berbuat demikian, para economist mengatakan, kita mungkin mengurangkan kepercayaan, impair the confidence dari negara lain, tetapi saya dapati ada banyak negara-negara lain yang ada mempunyai reserves yang terlampau rendah dan mereka boleh juga hidup. Mengapakah kita yang ada

mempunyai begitu besar foreign reserves dan kita akan pergi meminjam wang sebanyak \$900 juta tahun hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, di perenggan 28 ucapan Menteri Kewangan beliau berkata bahawa Belanjawan yang dibentangkan olehnya adalah dikira atas dua perkara, iaitu sebarang perubahan gaji dan tambahan perbelanjaan keselamatan dan lain-lain perbelanjaan. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa kenaikan cukai dan penurunan cukai pada tahun 1977 ada mendapati lebih cukai sebanyak \$2.2 juta sahaja dan kelebihan pendapatan dengan perbelanjaan adalah \$53 juta. Ini bermakna pada tahun 1977 kita akan dapat cuma \$55 juta surplus. Oleh itu patutlah kita siasat dengan teliti apakah akan jadi pada tahun 1977. Pada tahun ini Kerajaan telah berjanji kepada CUEPACS untuk melaksanakan Lapuran Ibrahim Ali mulai dari 1hb Januari, 1976. Sekarang ada pertelingkahan mengenai quantum Lapuran Ibrahim Ali. Mengikut angka Kerajaan ialah \$500 juta, tetapi mengikut CUEPACS ialah \$375 juta sahaja. Janganlah kita kata bahawa angka daripada Lapuran Tan Sri Ibrahim Ali ada sedikit perbezaan. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan menerima tuntutan dari CUEPACS iaitu sebanyak \$375 juta, ini bermakna untuk tahun hadapan barangkali Jun 1977 Kerajaan akan membayar tuntutan untuk tahun 1976 dan 1977 jumlahnya lebih kurang \$750 juta dan kalau tambahan perbelanjaan untuk keselamatan dan lain-lain dibuat, saya berpendapat boleh lebih daripada \$250 juta dan jika tambahan ini dibuat bermakna untuk tahun 1977 Kerajaan terpaksa mencari wang sebanyak \$1,000 juta untuk menunaikan janjinya kepada CUEPACS. Saya hendak tahu dari manakah Kerajaan akan mendapatkan wang yang begitu banyak? Saya berpendapat Kerajaan terpaksa mengadakan suatu mini-budget supaya boleh membayar wang kepada kakitangannya untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 1977. Oleh sebab itu, saya katakan Budget ini "toothless Budget" oleh sebab itulah Budget ini telah dipuji oleh semua akhbar di tanahair kita, tetapi malangnya tidak ada suratkhbar pun yang menyentuh peruntukan \$1,000 juta seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan. Saya berasa kesal bahawa akhbar di tanahair kita langsung tidak menyentuh tentang perkara ini dan semuanya ingin hendak memuji Kerajaan. Kepada akhbar yang ada di tanahair kita, saya katakan, "shame on you—malu-

lah". Mereka tidak berani sentuh, mereka takut Kerajaan tidak berasa puas hati atas akhbar di tanahair kita menyebut atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin sentuh tentang cukai untuk tahun 1977. Saya adalah bersetuju dengan beberapa cukai yang dibentangkan oleh Kerajaan, tetapi pada pendapat saya Kerajaan tidak mengambil langkah supaya meringankan kesusahan orang-orang miskin di tanahair kita, malahan Kerajaan telah meringankan beban kaum industrialists dan jutawan-jutawan di tanahair kita. Tuan Yang di-Pertua, dalam semua Anggaran Belanjawan yang dibentangkan dalam Dewan ini oleh beberapa Menteri Kewangan kita dapati mereka hanya menambahkan lebih banyak indirect taxation, tetapi mereka takut menaikkan direct taxation. Di dalam Budget yang dibentangkan sekarang, saya ada beberapa angka yang boleh saya sebutkan bahawa ianya tidak sesuai, Direct taxation yang Menteri Kewangan berikan kepada rakyat adalah \$37.4 juta tetapi yang dikutip ialah \$11.5 juta. Ini bermakna Kerajaan telah memberikan kepada rakyat sebanyak \$25.9 juta dan untuk indirect taxation, Menteri Kewangan telah mengutip sebanyak \$56.2 juta dan yang diberikan kepada rakyat ialah \$28.08 juta. Ini bermakna ada kelebihan direct taxation sebanyak \$28.12 juta. Kalau kita membandingkan indirect taxation dan direct taxation, kita dapati ada lebih indirect taxation untuk tahun 1977 sebanyak \$2.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar kalau Kerajaan menaikkan direct taxation si miskin tidak terlibat tetapi si kaya terlibat dan si kaya ada lobby yang kuat di Dewan ini juga. Oleh itu, Kerajaan pada pendapat saya khuatir mengadakan atau menaikkan direct taxation di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini dipuji oleh suratkhbar dengan mengatakan Belanjawan ini atau Budget ini ada membantu si miskin di tanahair kita. Ini, Tuan Yang di-Pertua, semuanya bohong saya mengatakan, Tuan Yang di-Pertua.

Mengikut Post Enumeration Survey pada tahun 1976 kita dapati ada 51% lebih keluarga di tanahair kita yang ada pendapatan kurang daripada \$200. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, kurang daripada separuh keluarga di tanahair kita pada

tahun 1976 tidak bayar cukai. Untuk tahun 1975 Tuan Yang di-Pertua, mengikut lapuran Rancangan Malaysia Yang Ketiga pada tahun 1975, 49% lebih keluarga di tanahair kita ada di bawah poverty line, Tuan Yang di-Pertua.

Ini bermakna mereka miskin tetapi pendapatannya pihak Kerajaan tidak berani sebutkan, tetapi kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita boleh katakan poverty line ialah antara \$170—\$180. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1975 ada lebih 50% keluarga di tanahair kita tidak berkemampuan membayar cukai.

Apakah tindakan Menteri Kewangan telah mengambil supaya beliau akan membantu si miskin di tanahair kita yang kumpulan yang disebutkan oleh saya, Tuan Yang di-Pertua. Langsung tiada apa langkah atau cukai yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan untuk benar-benar membantu si miskin di tanahair kita. Itulah saya kata, Tuan Yang di-Pertua, suratkhbar yang puji Menteri Kewangan, yang puji Kerajaan Barisan Nasional, itu semua cakap bohong sahaja. Si miskin di tanahair kita langsung tidak mendapat apa-apa faedah daripada Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, bukan si miskin tidak mahu bayar cukai pendapatan atau mahu evade cukai pendapatan, tetapi mereka tiada mampu untuk isikan perut, bagaimanakah mereka ada kemampuan untuk bayar cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kerajaan benar-benar mahu membantu dan menolong si miskin di tanahair kita, saya mencadangkan kepada Menteri Kewangan mengurangkan dua cukai iaitu surtax dan sales tax terhadap bahan-bahan keperluan yang dikehendaki khasnya oleh si miskin di tanahair kita. Kalau Kerajaan berbuat demikian maka kita boleh mengatakan Menteri Kewangan benar ada menolong dan membantu si miskin di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang \$60 rebate, ini pukul rata 12 bulan satu tahun cuma \$5 satu sebulan. \$5 satu bulan Tuan Yang di-Pertua, kalau si miskin ada seorang anak sahaja di dalam Sekolah Menengah, di dalam Tingkatan I, \$5 itu tidak cukup untuk bayar yuran anak itu oleh sebab yuran untuk Tingkatan I adalah \$7.50 sebulan, \$90 setahun. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, apa gunanya? Ini bukan untuk si miskin di tanah-

air kita, tetapi untuk lower middle class atau kelas pertengahan bawah yang dapat faedah, tetapi apa faedah yang mereka boleh dapat \$5 yang saya katakan tadi, tidak mencukupi untuk membayar yuran kepada seorang anak sahaja di Tingkatan I.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri Kewangan mengapakah Menteri Kewangan memberi "rebate" ini kepada si kaya di tanahair kita yang berpendapatan daripada "chargeable income" lebih \$100,000 mengapakah mereka mendapati \$60 rebate ini? Saya mencadangkan kepada Menteri Kewangan, Tuan Yang di-Pertua, seorang yang mendapati "chargeable income" \$15,000 dan lebih tidak dapat rebate ini. Kalau Kerajaan buat demikian si kaya itu tidak dapat \$60 itu tetapi mengapakah si kaya di tanahair kita Menteri Kewangan tambah wangnya sebanyak \$60 satu tahun?

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya hendak bertanya kepada Menteri Kewangan adakah beliau sedar motorcycle di tanahair kita digunakan oleh si miskin. Saya sedar ada pekerja-pekerja di kawasan saya, di Jinjang mereka naik motorcycle ke Shah Alam. Mereka sekarang terpaksa membayar lebih cukai, Tuan Yang di-Pertua. Marilah kita siasat sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tentang cukai untuk kereta dan untuk motorcycle, Tuan Yang di-Pertua. Road tax untuk kereta bagi 1000 c.c. pertama 13 sen satu c.c. tetapi si miskin yang menggunakan motorcycle terpaksa membayar 66 sen satu c.c. untuk motorcycle yang di bawah 75 c.c. Inikah keadilan yang Menteri Kewangan sebutkan? Dimana ada keadilan, Tuan Yang di-Pertua. Orang yang ada kereta mereka mesti ada wang membeli kereta, mereka kena cukai 13 sen satu c.c. sahaja tetapi si miskin yang menggunakan motorcycle mereka bayar 66 sen satu c.c. Ini bermakna si miskin membayar 5 kali ganda road tax kalau dibandingkan dengan seorang yang menggunakan sebuah kereta 1.000 c.c.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Menteri Kewangan menurunkan cukai kepada motorcycle supaya si miskin di tanahair kita boleh hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya atas cukai yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan tentang tobacco, wine and liquor. Di dalam Dewan ini sudah beberapa tahun saya menyeru

bekas Menteri Kewangan iaitu Tun Tan Siew Sin untuk menambahkan cukai terhadap manufactured tobacco, unmanufactured tobacco, wine and liquors. Tetapi malangnya beliau tidak menerima cadangan saya dan menolak cadangan saya. Beliau menyatakan the point of diminishing return has been reached. Ini bermakna, kalau kita tambah cukai kepada tobacco, whisky, brandy dan sebagainya, pendapatan kita akan dapat dikurangkan. Saya menafikan pandangan itu dan menyeru bekas Menteri Kewangan iaitu Tun Tan Siew Sin untuk menambah cukai. Oleh sebab, pada pendapat saya seorang yang pergi main golf seumpamanya, beliau pergi ke golf club, duduk sahaja, kakinya letak atas meja—"boy! setengah," katanya. Apabila dikatakan "boy bawa satu setengah" mereka tidak ingin kalau setengah itu dinaikkan 2 sen atau 10 sen bila-bila ada kemampuan membayar apa-apa yang dinaikkan oleh Menteri Kewangan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat main golf?

Dr Tan Chee Khoon: Saya tidak main golf dan saya tidak meminum minuman keras dan tidak menghisap rokok. Tetapi itu tidak menjadi soal. (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Untuk ingatan, Ahli Yang Berhormat sudah bercakap genap satu jam sekarang.

Dr Tan Chee Khoon: Saya bercadang hendak menutup ucapan saya tidak berapa lama lagi, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya berharap Kerajaan khasnya Menteri Kewangan akan menambah cukai-cukai terhadap ketiga-tiga barang yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong excise duty yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Tetapi saya hendak menasihatkan Menteri Kewangan mengapakah beliau berkata—saya sebagai Menteri Kewangan mahu tengok every dollar counts. Tetapi saya tengok Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri cuma menggunakan motokar Mercedes 280 S. Sekarang kalau saya hendak beli saya tidak ada kemampuan untuk membeli sebuah motokar 280 S. Tetapi kalau saya hendak beli kereta Mercedes 280 S itu, barangkali harganya \$50,000 sekarang

saya hendak bertanya kepada Menteri Kewangan mengapakah kereta untuk semua Menteri melainkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak terhad kepada \$15,000. Itu sudah terhad kepada semua kereta-kereta syarikat. Kalau Kerajaan buat demikian, beri contoh kepada rakyat jelata, kita boleh menyeru rakyat jelata mengikat tali dan menjimatkan wang sendiri dan wang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju sepenuh-penuhnya tentang service tax yang diadakan oleh Menteri Kewangan. Mereka telah mengenakan service tax ini kepada dewan-dewan tarian dan sebagainya termasuk rumah urut (massage parlour). Kalau seseorang hendak pergi tengok tarian-tarian dan pergi ke rumah urut tentulah ada kemampuan membayar service tax yang diadakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya di dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga saya telah mencadangkan bahawa Kerajaan perlu mengeneipkan 30% kerja di dalam sektor awam (public sector) atau di perkhidmatan Kerajaan kepada kaum bukan bumiputra. Saya menyatakan ini, oleh sebab kebanyakan orang-orang bukan bumiputra yang datang ke dispensari saya bertanya kepada saya—Doktor, apakah harapan saya, ada banyak orang yang lulus daripada universiti kita dan mereka tidak ada harapan dan saya telah lulus beberapa tahun tetapi tidak dapat kerja. Oleh itu, saya sekali lagi menyeru kepada Kerajaan menimbangkan cadangan saya untuk memberi 30% pekerja di perkhidmatan Kerajaan kepada bukan bumiputra. Saya berpendapat apabila saya membuat cadangan saya dalam perbincangan-perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga ada beberapa Jabatan khuatir atau tidak takut menjawab, tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila Timbalan Perdana Menteri menjawab untuk Kerajaan, beliau pun tidak menjawab cadangan saya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya katakan dalam bahasa Inggeris (*Dengan izin*). This is sweeping our national problems under the carpet with a vengeance.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian 13hb Mei telah menunjukkan kita tidak boleh buat semacam ini. Kita mesti membincangkan masalah-masalah nasional dan menimbangkan rayuan-rayuan daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, diharapkan cadangan yang saya buat sekarang dapat ditimbangan dan diberi jawapannya.

5.56 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong ucapan Belanjawan 1977 yang disifatkan oleh Menteri Kewangan sebagai adil. Kita adalah bersetuju dan mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada beliau dan Kerajaan Persekutuan. Saya yakin seluruh rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah lebih lagi para nelayan dan petani di seluruh negara berasa lapang hati apabila mendengar dan mengetahui Belanjawan 1977 sebagai rancangan ekonomi tahunan bertujuan menghasilkan matlamat-matlamat sosial dan ekonomi negara yang termaktub di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Sebagaimana Dewan ini sedia maklum walaupun beberapa banyak rancangan dan projek-projek yang akan dilancarkan bagi kepentingan ekonomi rakyat dan negara kita ini, lebih-lebih lagi bagi kawasan luar bandar, saya rasa persefahaman dan kerjasama serta perpaduan di antara semua peringkat atau Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan ataupun Negeri-negeri yang bertanggungjawab bagi melaksanakannya untuk menjadi satu kenyataan kepada rakyat adalah yang lebih penting dan mustahaknya daripada wang ringgit yang banyak. Jika sekiranya tidak ada koordinasi di antara semua peringkat ini, saya rasa matlamat yang di cita-citakan oleh pihak Kerajaan sukar mendapat kejayaan sepenuhnya bahkan mengeciwakan segala daya dan usaha Kerajaan melancarkan segala pembangunan baik di bandar ataupun di luar-luar bandar.

Bagi kami dari negeri yang paling luas kawasan tanahnya serta subur untuk tempat bercucuk-tanam, segala jenis hasil pertanian untuk keperluan rakyat dan juga eksport yang hampir sama luasnya dengan Semenanjung ini, berharap kepada Kerajaan Pusat untuk membangun dan membukakan tanah dengan memberi kewangan yang mencukupi serta dengan kakitangan yang berkebolehan dan layak untuk mempertingkatkan lagi keadaan hidup sebilangan besar bumiputra seperti nelayan, petani yang diam bertaburan di luar bandar, di tepi pantai laut di pendalaman negeri Sarawak. Kehidupan yang sempit dan serba kekurangan ini telah begitu lama dirasai oleh rakyat golongan seperti ini.

Kita juga bersyukur selepas 13 tahun Sarawak merdeka di dalam Malaysia sedikit sebanyak jika ditinjau kebelakangan di waktu penjajah dahulu memang telah jauh lebih baik, samada di bidang pelajaran, kesihatan mahupun perhubungan jalanraya serta juga pertanian yang menjadi harapan hidup dan tulang belakang ekonomi sebilangan besar rakyat Sarawak terutamanya bumiputra. Kami sebagai Wakil Rakyat dari kawasan luar bandar seperti ini memang pernah menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini perkara untung nasib rakyat seperti ini dengan perasaan yang ikhlas untuk mendapat pertimbangan dan peruntukan daripada pihak yang bertanggungjawab walaupun dengan cara tidak sekaligus.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita dapat menyaksikan ramai pemuda-pemuda dari luar bandar yang telah meninggalkan bangku sekolah berumur dari 15 tahun ke atas datang di bandar besar, misalnya di Sarawak seperti Sibu, Kuching dan lain-lain lagi untuk mencari pekerjaan. Malangnya ramai juga daripada mereka itu tidak mendapat apa-apa pekerjaan termasuk pemudi. Apa yang mendukacitakan segolongan daripada mereka itu termasuk pemudi apabila sampai di bandar mereka tidak mahu lagi balik hidup mengikut kebiasaan seperti di kampung ataupun di rumah-rumah panjang. Terpaksa mengikut kehendak kesukaan hati mereka itu sendiri samada baik ataupun buruknya di pandang masyarakat. Walaupun demikian, setakat yang diketahui mereka ini belum lagi menjadi golongan penagih dadah berbahaya yang juga diikuti oleh masyarakat kita pada masa sekarang ini. Oleh itu, kita berharap kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab mencari satu jalan bagi mengurang atau mengatasi masalah seperti ini supaya tidak merebak yang boleh memberi kesan buruk kepada pembangunan negara, supaya mereka ini tidak dipengaruhi oleh propaganda-propaganda anasir jahat yang sedia memasuki jarum mereka kepada belia-belia di negara kita ini bagi merusak keamanan dan keselamatan negara.

Mengenai keselamatan dan pembangunan pula serta ekonomi negara adalah sebagai satu masalaah yang tidak boleh dipisahkan di antara satu dengan lain. Di dalam konteks ini segala usaha dan rancangan sepertimana terdapat di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1977 yang

ada di hadapan kita sekarang, bagi membekalkan wang yang cukup untuk keselamatan, terutamanya untuk menentang ancaman komunis. Dengan kesedaran ini maka perasaan rakyat yang taat setia di dalam negara kita ini lebih lagi bertambah yakin dan sedia bekerjasama bagi membantu Pasukan Keselamatan menentang dan menghapuskan anasir jahat komunis yang tidak bertanggungjawab itu bagi membolehkan segala rancangan Kerajaan boleh dibuat untuk kepentingan rakyat agar tidak terganggu. Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Pasukan Keselamatan di negara kita ini kerana bekerja keras siang dan malam tidak kira di mana sahaja bagi melindungi rakyat jelata daripada gangguan musuh durjana yang sepatutnya tidak boleh dimaafkan lagi. Dengan keadaan tugas-tugas berat ahli-ahli Pasukan Keselamatan, baik polis, tentera dan sebagainya, maka gaji dan elaun mahupun pencen serta tambang masa bercuti balik dan pergi ke kampung mereka itu haruslah mendapat perhatian dan pertimbangan segera oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa syukur atas pandangan Kerajaan Persekutuan di mana galakan dan wang yang cukup diberi kepada ejensi-ejensi Kerajaan untuk membolehkan projek-projek pembasmian kemiskinan dilaksanakan dengan segera. Inilah satu-satu perkara yang ditunggu-tunggu oleh semua lapisan rakyat yang miskin di tanah-air kita ini. Dengan adanya berita ini sudah semestinya segolongan besar rakyat berasa lapang dada dan mengucapkan kesyukuran kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya berharap ejensi-ejensi Kerajaan di negeri Sarawak khasnya mengambil perhatian berat atas maksud dan tujuan suci Kerajaan untuk mendapat kesan dan faedah yang sebenarnya untuk dinikmati oleh rakyat yang benar-benar patut menerimanya, samada di bidang pertanian, perumahan dan sebagainya.

Baharu-baharu ini di daerah saya kegelisan telah timbul di kalangan rakyat di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang atas kekurangan bekalan minyak tanah. Seperti saya telah difahamkan oleh rakyat yang datang dari kampung yang jauhnya 7 atau 10 batu dari pekan Mukah dengan menaiki basikal sehingga 2 hari mereka berturut-turut datang untuk membeli minyak tanah langsung tidak dapat satu titik pun disebabkan bekalan minyak waktu itu tidak

ada. Perkara seperti ini telah berlaku 2 atau 3 kali di daerah saya. Oleh itu, saya merayu kepada pihak yang bertanggungjawab mengambil perhatian masalah seperti ini walaupun dianggap kecil dan ringan tentang perkara minyak tanah ini, namun rakyat telah bising, pernah berkata, nama sahaja negeri Sarawak sebagai sebuah negeri pengeluaran minyak, namun untuk rakyat di tempat itu sendiri pun tidak ada buat kegunaan pelita dan lampu di malam hari. Kadangkala kami Wakil Rakyat juga pening kepala untuk memberi jawapan atas pertanyaan yang ditimbulkan oleh rakyat. Sekali lagi saya berharap pihak yang berkenaan dapat memastikan supaya tiap-tiap daerah di dalam negeri Sarawak khasnya diberi bekalan yang cukup bagi minyak tanah mahupun barang-barang keperluan lain seperti beras dan sebagainya.

Baharu-baharu ini seperti yang diketahui negeri Sarawak mendapat pinjaman yang banyak daripada bank-bank yang berkenaan untuk melaksanakan projek-projek yang tertentu di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh yang demikian, ini adalah satu perkara yang menggembirakan seluruh rakyat yang duduk di negeri Sarawak terutama pemuda-pemuda kita sekarang telah banyak menganggur yang suka untuk bekerja sebagai makan gaji samada menjadi buruh kasar dan sebagainya. Apa yang kita harapkan segala projek-projek itu hendaklah lebih banyak yang menggunakan tenaga manusia. Umpamanya, jika perusahaan membalak dibuat, hendaklah disertakan dengan kilang-kilang papan atau perabut membuat perkakas kayu. Ini boleh menambahkan lagi di bidang pekerjaan serta dapat memperkukuhkan lagi ekonomi negara di dalam masa jangka panjang sesuai dengan imej dan dasar Kerajaan di dalam pembangunan sosio-ekonomi kita supaya faedah dapat dinikmati bersama oleh rakyat di bandar dan juga luar bandar.

Mengenai cukai jalan atas motosikal, saya rasa sepatutnya dibuat di dalam dua bahagian. Pertama motosikal yang di daftar atau dipakai di jalan-jalan yang baik seperti di bandar besar sepatutnya tidak disamakan dengan motosikal yang dipakai atau didaftar di daerah-daerah luar bandar seperti di Sarawak, di mana jalan luar

bandar yang tidak begitu baik berlubang-lubang serta bertakung dengan air bukan dibuat dengan jalan tar atau simen diberi kelunggaran sedikit tidak disamakan cukai jalan untuk motosikal, di bandar besar negara kita ini yang mempunyai jalan yang begitu baik. Apa yang saya ketahui alat perkakas motosikal seperti terdapat di daerah-daerah luar bandar segala perkakas termasuk tayar adalah sangat mahal jika dibandingkan dengan bandar-bandar yang besar. Oleh itu saya merayulah perkara ini harus dipertimbangkan. Begitu juga satu bandingan di antara bandar dan daerah-daerah luar bandar yang belum mendapat peruntukan jalanraya yang baik sepatutnya tidak boleh disamakan atas masalah cukai jalan bagi motosikal itu tadi. Kenderaan ini juga biasanya dipunyai oleh rakyat berpendapatan rendah seperti buruh kasar, nelayan dan petani. Saya rasa atas cukai jalan kereta-kereta yang lebih daripada 2,000 c.c. walaupun dinaikkan lagi sedikit tidak menjadi keberatan bagi yang empunya, kerana golongan ini sudah semestinya orang yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju dan menyokong sepenuhnya tentang keselamatan negara yang kita memang tidak boleh berdiam diri untuk menghapuskan ancaman pengganas komunis. Rakyat yang taat setia kepada negara ini bersedia berkorban apa sahaja bagi menentang musuh rakyat dan negara apabila sahaja dikehendaki oleh pihak yang bertanggungjawab. Rakyat yang setia memang sedar tidak kira samada kaya atau miskin memang tidak rela negara ini dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh menjejaskan segala rancangan pembangunan ekonomi bagi kepentingan sekarang dan masa depan.

Saya juga mengambil kesempatan ini sebagai seorang Wakil Rakyat dari negeri Sarawak berharap semoga negeri Sarawak dan rakyatnya bertambah makmur serta bersatu padu dengan bertambahnya bilangan rakyat Sarawak atau wakil dari Sarawak sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian dan Timbalan-timbalan Menteri di dalam Kerajaan Pusat serta pula dengan bertambahnya Menteri-menteri dan Timbalan Menteri di dalam negeri Sarawak itu sendiri yang mana sekarang tidak ada Parti Pembangkang lagi. Inilah boleh menjadi satu contoh baik kepada negeri-negeri di dalam Malaysia atas kebijaksanaan pemimpin besar Kerajaan

Barisan Nasional dan juga atas kesedaran Parti S.N.A.P. untuk sama berjuang bagi kepentingan rakyat dan negara seluruhnya.

Kita juga berasa terperanjat melihat di dalam sebuah akhbar pagi tadi seramai 23,000 orang penagih dadah, kira-kira 70% darinya Melayu terdapat di Wilayah Persekutuan sekarang. Ini amatlah mendukacitakan. Kita yakin dengan tertubuhnya satu badan bernama PEMADAM Wilayah Persekutuan dalam usaha membentasi penyalahgunaan dadah yang merbahaya ini segala sesuatu usaha badan itu nanti mendapat sokongan yang baik daripada semua pihak terutamanya rakyat jelata di negara kita ini bagi menjayakan tujuan baik untuk melindungi rakyat tersebut ke alam yang bertentangan dengan prinsip Rukunegara serta juga boleh melemahkan ekonomi sebuah negara yang sedang membangun seperti yang dirancang dan dihadapi oleh kita sekarang.

Saya juga suka mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih sebagai satu kesedaran kepada kita semua kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Setapak yang menyumbangkan sebanyak \$1,500 sebagai satu bulan elaun anggota Dewan Rakyat sebagai satu contoh baik buat diikuti oleh seluruh masyarakat kepada badan PEMADAM Wilayah Persekutuan yang baru sahaja ditubuhkan ini.

Akhirnya, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang bagi Belanjawan dan Pembangunan tahun 1977.

6.15 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbincangan atas ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Ini adalah kali pertama bagi Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengemukakan Belanjawannya, dan sebagai seorang muda yang berpengalaman dalam bidang perniagaan, sudah tentu dapat membawa hasil yang lebih banyak kepada negara. Negara kita berkehendakkan orang-orang yang gigih, dedikasi dan mempunyai pandangan yang jauh dalam menjalankan pentadbiran negara dengan harapan akan membawa lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing datang menanam modalnya di negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang disiarkan secara langsung melalui radio dan Talivisyen Malaysia harus diberi pujian. Rakyat perlu mengetahui lebih dekat akan dasar-dasar Kerajaan. Cukai yang dikenakan adalah tidak membebankan rakyat, dan dengan ini tidak mudah diambil kesempatan oleh pekedai-pekedai. Siaran secara langsung ini haruslah dibuat tiap-tiap kali Ucapan Belanjawan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya telah menggariskan beberapa perkara terutama mengenai pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan harga dan mempercepatkan pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dalam konteks keselamatan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ramalan ekonomi tahun 1977 adalah cerah. Keadaan inflasi telah mulai reda. Harga bahan-bahan makanan telah turun dari 6.3% pada tahun 1975 kepada 2.1% dalam tahun 1976. Kejayaan kawalan harga barang-barang ini harus dipuji dan hendaklah sentiasa diawasi supaya harga barang-barang tidak akan naik dengan begitu rancak sebagaimana yang telah berlaku dalam tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai eksport kita ke luar negeri yang menunjukkan satu pertanda yang baik dan menggalakkan. Lebihan dagangan (trade surplus) dalam masa 6 bulan tahun ini mencapai angka \$1,453.1 million berbanding dengan \$34.3 million dalam masa yang sama tahun lepas. Angka ini melebihi dua kali ganda keseluruhan tahun 1975. Pengeluaran getah, palm oil dan beras adalah juga bertambah. Hutang negara (national debt) setakat ini mengandungi 4% dari pendapatan eksport dan ini satu perangkaan yang kecil jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang sedang membangun. Namun begitu, pengeluaran hasil utama kita seperti getah, tin, crude oil, palm oil, timber, hendaklah dipergiatkan lagi supaya kita mendapat tukaran luar (foreign exchange) yang banyak di samping menaikkan pendapatan eksport kita.

Malaysia adalah sebuah negara yang mengeluarkan hasil buminya sendiri. Walaupun begitu, kita hendaklah ingat bahawa negara-negara yang tidak mempunyai sumbernya sendiri dapat mengukuhkan ekonomi

negaranya. Matawangnya stable dan meningkat. Kita perlu mengkaji dengan mendalam akan hal ini. Kita mempunyai pakar-pakar kewangan, ahli-ahli ekonomi dan bijak pandai yang boleh mencari jalan, berunding dan membuat kajian dan laporan serta mengemukakan pendapatnya kepada Kerajaan untuk tindakan selanjutnya. Kajian dan pandangan dari pakar-pakar kewangan kita hendaklah diberi penghargaan supaya memberi perangsang kepada mereka menjalankan daya-usahanya dengan sokongan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan perdagangan dengan negara-negara industri yang membangun hendaklah dipesatkan. Pesuruhjaya Perdagangan sebagai diplomat dengan ini hendaklah mengkaji untuk mendapatkan pasaran di luar negeri dengan bersungguh-sungguh. Apabila pasaran perdagangan kita luas, kepercayaan pedagang-pedagang akan terbukti. Eksport negara meningkat 46% bagi setengah tahun 1976. Ini satu kejayaan yang harus dipuji. Impot naik sebanyak 14%. Ini tidak balance dengan eksport negara. Perbezanya besar. Sekiranya dapat digerakkan dan dimajukan import dan export kita, saya percaya ekonomi negara kita akan lebih kukuh, teguh dan stable. Dan ini akan memberi kepercayaan kepada pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur. Dengan cara ini nilai matawang kita akan naik meningkat lebih daripada yang ada sekarang ini.

Negeri kita mempunyai potensi yang baik: getah, bijih timah dan kelapa sawit. Minyak juga menjadi hasil utama. Ini juga boleh menaikkan pasaran luar negeri (foreign market) kita. Walaupun petroleum belum dieksploitasikan sepenuhnya, namun kita menganggap bahawa ia dapat meyakinkan pelabur-pelabur menanam modalnya di negeri kita.

Kita mempunyai kekuatan ekonomi yang kukuh. Keadaan politik negara kita teguh. Dengan percantuman parti-parti politik di dalam Barisan Nasional, negara kita akan lebih kukuh lagi dan ini boleh meyakinkan pelabur-pelabur asing. Usaha-usaha pihak swasta hendaklah digalakkan serta mendapat dorongan dan sokongan Kerajaan. Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang hendaklah digerakkan menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang cergas (active trading centres) di mana kapal-kapal besar boleh membawa dagangannya. Tiap-tiap dagangan yang dibawa akan memberi hasil kepada

negara. Kuala Lumpur boleh mengadakan tempat persidangan antarabangsa yang besar-besar. Approach ini hendaklah dibuat secara rasional bukan secara conservative. Hasrat berlumba membangunkan negara hendaklah dijalankan. Janganlah asyik beronggeng dengan menunjukkan jamuan di sana sini di TV. Sebaliknya semangat bergerak maju hendaklah ditumpukan. Lihat sahaja Germany. Bagaimana teguh ekonominya selepas Perang Dunia Kedua dahulu. Matawang mark naik memuncak. Satu daripada matawang yang kukuh di Eropah pada masa ini. Begitu juga Jepun selepas pengeboman di Hiroshima. Pengembara-pengembara juga yakin dengan matawang yen. Ini disebabkan keyakinan orang ramai (public confidence). Apakah Malaysia kurang tenaga penggerak dalam hal ini sehingga tidak bergerak dengan begitu cergas mengikut peredaran zaman yang serba maju dan moden ini? Keyakinan orang ramai hendaklah diutamakan untuk mendapat pasaran luar negeri.

Petroleum memainkan peranan utama hasil negara. Industri kita yang diseragamkan (diversify) di seluruh negara. Begitu juga dengan perusahaan kecil (cottage industry). Oleh kerana Malaysia juga mengeluarkan minyaknya sendiri, selain dari keuntungan pasaran luar negeri, kita juga perlu mengkaji keperluan sendiri (domestic consumption) supaya harga minyak tidak naik melambung tinggi dan akan mengakibatkan kesusahan rakyat kita. Contohnya, minyak diesel yang dijual kepada Persatuan Nelayan khususnya nelayan di Tumpat dengan harga \$1.45 satu gelen, sedangkan harga yang dijual kepada pengguna-pengguna ialah \$1.18 satu gelen. Persatuan Nelayan dan nelayan-nelayan dengan botnya bukanlah satu industri yang boleh dikenakan bayaran yang tinggi. Ini akan menyusahkan nelayan yang berpendapatan kurang dari \$100 sebulan. Saya berharap PETRONAS akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Harga minyak telah naik begitu tinggi. Negara kita sebagai sebuah negara pengeluar minyak, hendaklah sedapat-dapatnya, jangan menaikkan harga minyak dengan begitu tinggi. Memadailah dengan harga sekarang. Kenaikan harga minyak oleh syarikat-syarikat minyak

hendaklah dikaji oleh pakar-pakar kita dengan membuat analisa dan kajian samada kenaikan harga minyak itu berpatutan. Kenaikan yang paling minima adalah wajar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keuntungan yang tinggi yang didapati oleh syarikat-syarikat besar, hendaklah juga diperhatikan. Keuntungan yang berlipat ganda ini hendaklah dilaburkan semula di negara kita. Ini bukan sahaja dapat menambahkan pekerjaan malah dapat menambah hasil pengeluaran negara. Hanya imbalan (proportion) yang minima sahaja dari hasil keuntungannya dibenar untuk dikeluarkan dari negara ini. Kawalan ini harus diperhatikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Tumpat adalah satu kawasan nelayan dan petani. Mereka juga seperti rakyat di kawasan lain berkehendakkan elektrik. Saya suka menarik perhatian L.L.N. bahawa ada beberapa kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik disebabkan terputusnya di tengah jalan. Kawasan itu ialah Wakaf Baru. Kawasan yang terputus di tengah jalan ialah Kubang Batang, ke Tumpat, jalan sehala. Yang kedua, ialah Kawasan Simpangan dari Cabang Empat, Pengkalan Kubu. Kawasan yang terputus seperti Bunuhan, Genting dan Pengkalan Kubu dan lain-lain lagi yang tidak ada bekalan elektrik di tengah jalan. Saya berharap Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menghubungkan di antara kawasan-kawasan yang terputus itu untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran adalah satu investment. Dengan memberi pelajaran yang cukup, ia akan dapat meningkatkan pengetahuan. Untuk memberikan pelajaran yang sempurna, dan untuk mendisiplinkan penuntut-penuntut, saya berharap Kementerian Pelajaran dapat mengadakan sebuah Sekolah Menengah Berasrama di Tumpat. Ini bukan sahaja memberi peluang kepada penuntut-penuntut di kawasan tersebut, malah dapat memberi peluang kepada anak-anak nelayan yang tinggal jauh di pulau-pulau di kawasan Tumpat. Adalah diharapkan Kementerian Pelajaran dapat memasukkan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan membina Sekolah-sekolah sekolah Berasrama di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, usaha yang besar ialah membasmi kemiskinan samada di luar bandar ataupun di dalam bandar . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagi hendak bercakap?

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Panjang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh sambung hari esok.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 2hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.